# LAPORAN KEMAJUAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2019



ISBN No : 978-967-17951-1-8

DITERBITKAN OLEH :

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 Putrajaya

Tel : +603-88727140/7184
Fax : +603-88905440

© GIACC 2020

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

# LAPORAN KEMAJUAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2019



# ISI KANDUNGAN

**3 PENGENALAN**
7 KEMAJUAN PELAKSANAAN INISIATIF SECARA KESELURUHAN DI BAWAH PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2019

**13 PENGUKURAN KEBERKESANAN INISIATIF**
15 -29 INISIATIF YANG TELAH SELESAI DI PERINGKAT *OUTPUT*
36 -86 INISIATIF YANG MASIH DALAM TINDAKAN

**83 STATUS PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KETUA AGENSI PENERAJU**
87 Kementerian Kewangan **(MOF)**
95 Kementerian Dalam Negeri **(KDN)**
103 Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (**MEA)**
107 Kementerian Pendidikan Malaysia **(KPM)**
112 Kementerian Kerja Raya **(KKR)**
114 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia **(KKMM)**
117 Kementerian Belia dan Sukan **(KBS)**
120 Kementerian Pembangunan Usahawan **(MED)**
122 Kementerian Luar Negeri **(KLN)**
125 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan **(KPKT)**
128 Parlimen Malaysia
133 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
141 Suruhanjaya Pilihan Raya **(SPR)**
146 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan **(SPKP)**
148 Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan **(SIAP)**
150 Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**
158 Unit Penyelarasan Pelaksanaan **(ICU)**, JPM
160 Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
166 Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
168 Jabatan Audit Negara **(JAN)**
171 Jabatan Kerja Raya **(JKR)**
173 Jabatan Standard Malaysia **(JSM)**
176 Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan **(PKPMP)**
179 Biro Pengaduan Awam **(BPA)**

**181 KESIMPULAN**

**183 PENGHARGAAN**

# BAB 1
# PENGENALAN

# LAPORAN KEMAJUAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2019

"Apa juga pelan dan program ke arah pembentukan sebuah negara maju yang stabil lagi makmur tidak akan tercapai jika negara terus dibelenggu dengan amalan rasuah.

Justeru, pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara.

Beta menggesa agar kerajaan beta untuk terus komited dalam melaksanakan pelan antirasuah nasional. Beta menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa.

Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan."

***Petikan daripada Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan penggal ketiga, Parlimen ke-14 pada 18 Mei 2020***

## LATAR BELAKANG

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) adalah dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan dalam menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh. Pelan ini dirangka dengan didasari oleh penilaian risiko rasuah yang dianalisa menggunakan data-data daripada pelbagai sumber. Terkini, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, pelan ini juga bertindak sebagai panduan dalam pelaksanaan mekanisme antirasuah yang menggemblengkan usaha dan komitmen ke arah negara yang bersih dan dihormati. Sebanyak 115 inisiatif di bawah enam (6) bidang keutamaan digariskan di bawah NACP iaitu tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang serta tadbir urus korporat. Pemilihan enam (6) bidang ini adalah berasaskan kepada penilaian risiko yang dilaksanakan dan menjadi keutamaan kepada kerajaan untuk mengambil langkah sewajar menanganinya bagi memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, mempertingkat keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, mempertingkat kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman, menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang dan memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

115 inisiatif tersebut merangkumi 30 inisiatif jangka pendek yang perlu dilaksanakan bermula pada Januari hingga Disember 2019, 31 inisiatif jangka sederhana (Januari 2019 hingga Disember 2020) dan 54 inisiatif lagi adalah untuk jangka masa panjang iaitu Januari 2019 hingga Disember 2023.

NACP adalah dokumen yang dinamik yang telah diterjemahkan untuk tujuan pelaksanaan berkesan oleh semua pihak yang berkepentingan iaitu dalam konteks ini ialah agensi pelaksana yang telah dikenal pasti. Justeru, untuk memastikan inisiatif antirasuah negara dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Kerajaan telah memperkenalkan struktur khusus pentadbiran antirasuah yang melibatkan pelbagai peringkat melalui "Arahan YAB Perdana Menteri. No. 1 Tahun 2018 – Siri 2 Bilangan 1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP)" pada 29 Mac 2019. Bab 4 dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 menjelaskan aspek pemantauan dan penilaian (*Monitoring and Evaluation* – M&E) yang berfungsi untuk memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif oleh agensi peneraju. M&E menjadi keutamaan dalam memastikan kemajuan dan objektif inisiatif tidak tersasar daripada matlamat yang dihasratkan.

Pemantauan dan penilaian yang cekap adalah kunci ke arah kejayaan strategi yang digariskan di bawah pelan ini dan mempunyai kaitan langsung dengan tahap kesungguhan, akauntabiliti dan penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*) agar setiap tindakan yang diambil dalam pelaksanaan inisiatif mempunyai nilai tambah dan seiring dengan sasaran yang ingin dicapai. Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti sentiasa dipantau mengikut tempoh masa pelaksanaan yang telah ditetapkan. Melalui pengabsahan ini, setiap *input* akan dipadankan kepada *output* yang sesuai, justeru menjamin pencapaian keberhasilan yang dikehendaki. Daripada 115 inisiatif yang telah ditetapkan di dalam NACP tersebut, sebanyak 24 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) telah dikenal pasti dalam memastikan setiap tindakan yang diambil telah mematuhi kehendak dan matlamat NACP. Pelaporan ini secara langsung mengawasi prestasi Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) dalam mengetuai pelaksanaan tindakan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah NACP sehingga tahun 2023 bersama-sama agensi-agensi atau entiti lain yang bertindak sebagai rakan strategik (Agensi Peneraju) bagi merealisasikan sasaran.

# KEMAJUAN PELAKSANAAN INISIATIF SECARA KESELURUHAN DI BAWAH PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2019

# 115 INISIATIF DI BAWAH NACP 2019-2023

Enam (6) bidang keutamaan telah dikenal pasti sebagai bidang-bidang yang perlu diberi fokus dalam pembanterasan rasuah hasil daripada penilaian risiko rasuah yang dilaksanakan semasa pembangunan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang menjadi tanda kepada usaha komited ke arah negara bersih daripada anasir rasuah. Enam (6) bidang keutamaan yang difokuskan tersebut meliputi tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang serta tadbir urus korporat.

Manakala enam (6) strategi berkaitan enam (6) bidang keutamaan yang melahirkan 115 inisiatif dalam pelan ini adalah memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, mempertingkat keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman, menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang dan memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

Jumlah 115 inisiatif itu merangkumi 30 inisiatif jangka pendek yang dijadualkan pelaksanaannya mulai Januari hingga Disember 2019, 31 inisiatif jangka sederhana dari Januari 2019 hingga Disember 2020 dan 54 inisiatif lagi adalah untuk jangka masa panjang iaitu Januari 2019 hingga Disember 2023.

Rajah berikut menunjukkan 86 inisiatif daripada 115 inisiatif keseluruhan sedang dalam proses tindakan oleh Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) manakala 29 inisiatif telah diselesaikan sehingga 31 Disember 2019.

| Bil | Pernyataan Matlamat | Pencapaian bagi tahun 2019 |
|---|---|---|
| i | Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Badan Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang: | |
| | a. Meningkat dari skor 0.54 (2017-2018) kepada skor 0.63 menjelang tahun 2023 dalam *World Justice Project Rule of Law Index* | 0.55 |
| | b. Meningkat dari 77% (2017) kepada 90% menjelang tahun 2023 dalam Kadar Sabitan Kesalahan Rasuah di Malaysia | 78% |
| ii | Kecekapan dan Kesiagaan bertindak balas dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam: | |
| | Dari kedudukan ke-25 (2017) meningkat ke kedudukan ke-10 terbaik bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *World Competitiveness Yearbook* | 27 |
| iii | Integriti dalam Perniagaan: | |
| | Untuk kekal di kedudukan ke-4 menjelang tahun 2023 dalam *Corporate Governance Watch-Asian Corporate Governance Association* | Ke-4 |

## ANALISIS STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN 115 INISIATIF KESELURUHAN (Sehingga 31 Disember 2019)



## ANALISIS STATUS 115 INISIATIF KESELURUHAN MENGIKUT BIDANG (Sehingga 31 Disember 2019)

| BIDANG | Selesai | Dalam Tindakan | Belum Mula | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| Tadbir Urus Politik | 13 | 22 | | 35 |
| Pentadbiran Sektor Awam | 3 | 28 | | 31 |
| Perolehan Awam | 4 | 12 | | 16 |
| Perundangan dan Kehakiman | 1 | 5 | | 6 |
| Penguatkuasaan Undang-Undang | 5 | 12 | | 17 |
| Tadbir Urus Korporat | 3 | 7 | | 10 |
| **JUMLAH** | **29** | **86** | | **115** |

## ANALISIS RINGKAS PENCAPAIAN BERPANDUKAN PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN

### SATU TAHUN (JAN 2019-DIS 2019)




15 daripada 30 inisiatif **SELESAI** dilaksanakan bagi inisiatif di bawah tempoh satu (1) tahun

**DUA TAHUN**
**(JAN 2019-DIS 2020)**




Lapan (8) daripada 31 inisiatif **SELESAI** dilaksanakan bagi inisiatif di bawah tempoh dua (2) tahun

**LIMA TAHUN**
**(JAN 2019-DIS 2023)**




Enam (6) daripada 54 inisiatif **SELESAI** dilaksanakan bagi inisiatif di bawah tempoh lima (5) tahun

# BAB 2
# PENGUKURAN KEBERKESANAN INISIATIF

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN 115 INISIATIF

Dalam konteks pelaksanaan sesuatu inisiatif, elemen penilaian merupakan ketetapan asas dalam proses pemantauan kemajuan inisiatif ke arah *output* yang dihasilkan dan sama ada perubahan yang dibuat tersebut dapat menjamin bahawa inisiatif yang dilaksanakan tersebut berada di landasan yang betul dan disesuaikan dengan dasar dan strategik sedia ada Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, satu ringkasan yang jelas disediakan seperti jadual seterusnya dalam mempamerkan pelaksanaan inisiatif tersebut berdasarkan kepada *output* yang dicapai berserta impak yang diperoleh melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah selesai dilaksanakan tersebut.

Untuk pemantauan hasil inisiatif yang dilaksanakan, pengukuran yang relevan dan penilaian akan bergantung pada *output* dan hasil yang ditentukan pada tahap rantaian hasil inisiatif tersebut, yang perlu dibangunkan berdasarkan teori perubahannya.

Pendekatan yang berkesan dapat menggabungkan data pemantauan dengan analisa harian yang berterusan untuk menilai kemajuan yang berlaku atau tidak dan untuk menilai sama ada konteks telah berubah dengan cara yang memerlukan penyesuaian inisiatif berkenaan sekiranya atau telah dilaksanakan dan sama ada ia akan memberi impak di tahap separuh penggal atau di suatu jangka masa yang berterusan. Secara amnya, dengan informasi sedemikian, pihak agensi boleh secara langsung memahami sama ada dengan pelaksanaan inisiatif sedemikian, perubahan yang dibuat menyelesaikan kelemahan yang dialami sebelum ini atau sebaliknya.

Berikut adalah ringkasan ke atas 29 inisiatif yang telah selesai dilaksanakan sehingga 31 Disember 2019 dan 86 inisiatif yang masih dalam tindakan untuk rujukan.

# PENJELASAN PENGUKURAN KEBERKESANAN INISIATIF KE ATAS 29 INISIATIF YANG TELAH SELESAI DI PERINGKAT *OUTPUT*

# Penjelasan pengukuran keberkesanan insiatif 29 INISIATIF YANG TELAH SELESAI

Jadual ringkasan seterusnya adalah ke atas 29 inisiatif yang telah selesai di peringkat *output*.

Definisi selesai bagi 29 inisiatif ini adalah penyelesaian di peringkat *output*.

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| **Bil.** | **Inisiatif** | | **Penghasilan *Output*** | **Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)*** | **Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)*** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)** | | | | | |
| 1 | 1.1.6 | Menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan Suruhanjaya Pilihan Raya. | Jawatankuasa Pilihan Parlimen Mengenai Pilihan Raya yang ditubuhkan pada 4 Disember 2019. | Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam telah diluluskan. Jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli SPR juga merupakan antara jawatan utama dalam perkhidmatan awam dan sebarang pelantikan baharu akan melalui jawatankuasa ini. | Pelantikan ahli-ahli SPR yang diyakini dan mendapat kepercayaan awam. |
| 2 | 1.1.7 | Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dwi-parti berhubung hal pilihan raya:<br>i. Keahlian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya;<br>ii. Sumber kewangan Suruhanjaya Pilihan Raya;<br>iii. Pelaksanaan Persempadanan; dan<br>iv. Sebarang perkara yang melibatkan kepentingan awam dan negara. | Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pilihan Raya telah diluluskan di Dewan Rakyat sebagai mekanisme semak dan imbang bersama terma rujukan yang bersesuaian. | Meningkatkan keyakinan awam dengan wujudnya mekanisme semak dan imbang di Parlimen. | Mempromosikan ketelusan dengan wujudnya mekanisme semak dan imbang di Parlimen. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)** | | | | | |
| 3 | 1.2.1 | Memperkenalkan sistem perisytiharan harta Anggota Pentadbiran. | Pewujudan sistem perisytiharan harta bagi Anggota Pentadbiran melalui Portal Perisytiharan Harta dan dipaparkan dalam portal SPRM di https: // mydeclaration. sprm.gov.my/ | 1. Sehingga 31 Disember 2019 seramai 100% Anggota Pentadbiran (85 orang) telah mengisytihar harta.<br>2. Sehingga 31 Disember 2019 seramai 67.56% Ahli Dewan Rakyat (150 orang daripada 222 orang) telah melaksanakan perisytiharan harta. Manakala 32.43% Ahli Dewan Rakyat masih belum membuat perisytiharan harta. Pecahan terperinci adalah seperti berikut:<br>• Ahli Dewan Rakyat Kerajaan (135 - Isytihar, 4 belum Isytihar), dan<br>• Ahli Dewan Rakyat selain Kerajaan (15 - Isytihar, 68 belum Isytihar)<br>3. Sehingga 31 Disember 2019 seramai 53.20% Ahli Dewan Negara (33 orang daripada 62 orang) dan 46.80%, 29 Ahli Dewan Negara masih belum membuat perisytiharan harta. | Meningkatkan tahap ketelusan dan seterusnya keyakinan masyarakat terhadap usaha-usaha kerajaan bagi menangani isu-isu rasuah dan salah guna kuasa di kalangan Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen melalui pemantauan berkala pemilikan harta, pendapatan dan tanggungan mereka. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)** | | | | | |
| 4 | 1.2.2 | Menambah baik dasar dan mekanisme berkaitan penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran. | Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen dikeluarkan pada Disember 2018 untuk menambahbaik mekanisme berkaitan penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran. | Sehingga 31 Disember 2019, tiga (3) salinan pelaporan perisytiharan mengenai penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran telah diterima oleh Jabatan Perdana Menteri. | Mempertingkatkan integriti Anggota Pentadbiran dengan menghindari penyalahgunaan jawatan untuk kepentingan peribadi melalui permintaan dan penerimaan apa-apa hadiah, upah atau keraian. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 5 | 1.3.4 | Memperkenalkan dasar menyekat campur tangan politik dan Individu Berpengaruh dalam kenaikan pangkat, pelantikan dan pemilihan dalam jawatan-jawatan Kerajaan. | Arahan YAB Perdana Menteri Siri 3 No. 2 Tahun 2019 Had-had Keterlibatan Anggota Pentadbiran dalam Urusan Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan berkuatkuasa 14 Mei 2019. | Sehingga 31 Disember 2019, tiada laporan berkenaan dengan campur tangan Anggota Pentadbiran dalam kenaikan pangkat, pelantikan dan pemilihan dalam jawatan-jawatan Kerajaan diterima oleh Kerajaan. | Penempatan dan kenaikan pangkat pegawai awam adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan termasuk merit serta kesesuaian rnengikut pengalaman, kemahiran dan kepimpinan, maka keputusan *Search Committee* atau Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) hendaklah diterima sepenuhnya oleh semua pihak bagi menjaga keharmonian di antara Anggota Pentadbiran dan anggota perkhidmatan awam. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PARLIMEN MALAYSIA** | | | | | |
| 6 | 1.4.1 | Menguatkuasakan kuasa Parlimen untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan mengkehendaki Menteri, Penjawat Awam dan Orang Awam:<br>a. untuk hadir ke hadapan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan; dan<br>b. memberi maklumat. | Kuasa untuk mengambil tindakan bagi perbuatan-perbuatan yang boleh dianggap sebagai menghina Majlis Mesyuarat telah diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/Dewan Negara dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952. | Kuasa untuk mengambil tindakan ke atas kesalahan menghina Majlis Mesyuarat boleh diambil oleh Parlimen. | Apa-apa perbuatan menghina Majlis Mesyuarat dapat dihindari dan jika berlaku, maka proses mengambil tindakan dapat dilaksanakan dengan efektif. |
| 7 | 1.4.2 | Memperkenalkan Kod Tata Kelakuan Ahli Parlimen untuk dikuatkuasakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen untuk mengarahkan Menteri, Penjawat Awam dan Orang Awam untuk hadir ke hadapan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan memberi maklumat. | Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/ Dewan Negara (*Standing Orders of the* Dewan Rakyat/ *Senate*) menjelaskan mengenai pernyataan tata kelakuan Ahli Parlimen. | Ketidakpatuhan terhadap Peraturan Mesyuarat ini akan menyebabkan seseorang Ahli Dewan Rakyat/Dewan Negara dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan . Perkara-perkara mengenai etika dan tata kelakuan telah dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/Dewan Negara. | Semua Ahli Parlimen akan mematuhi Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/Dewan Negara. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)** | | | | | |
| 8 | 1.4.3 | Menggesa supaya semua laporan audit dikemukakan kepada Parlimen (tanpa menyembunyikan, memalsukan dan mengubah apa-apa maklumat) dan dalam keadaan tertentu yang melibatkan keselamatan atau kepentingan negara, ia hendaklah dilaksanakan mengikut Peraturan 93 – Peraturan-Peraturan Majlis Dewan Rakyat. | 1. Pematuhan sepenuhnya kepada Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan<br>2. Tiada pindaan dan penyembunyian fakta di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan ianya berdasarkan kepada prinsip kebebasan bagi hal-hal LKAN. | 1. LKAN dibentangkan dengan telus serta Prinsip Akauntabiliti dan Ketelusan dipatuhi *(The International Standards of Supreme Audit Institutions 20* [ISSAI20]).<br>2. Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan dan *Mexico Declaration on SAI Independence* dipatuhi sepenuhnya iaitu memperkukuhkan prinsip kebebasan bagi hal-hal Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). | 1. Mengukuhkan akauntabiliti, ketelusan dan integriti entiti sektor awam.<br>2. Memperkukuhkan institusi Audit sebagai *Supreme Audit Institution*. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PARLIMEN MALAYSIA** | | | | | |
| 9 | 1.4.4 | Memperkenalkan Kod Etika untuk Ahli Parlimen melalui Peraturan-Peraturan Majlis merangkumi Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang untuk diikuti. | Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/ Dewan Negara (*Standing Orders of the* Dewan Rakyat/ *Senate*) menjelaskan mengenai pernyataan etika Ahli Parlimen. | Perkara-perkara mengenai etika telah dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. | Semua Ahli Parlimen akan mematuhi Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/Dewan Negara. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PARLIMEN MALAYSIA** | | | | | |
| 10 | 1.4.7 | Menubuhkan fungsi latihan di Parlimen Malaysia untuk melatih Ahli Parlimen. | Fungsi latihan bagi Ahli-ahli Parlimen dikendalikan oleh Pejabat Speaker. | Ahli-Ahli Parlimen secara berkala didedahkan kepada taklimat dan seminar. Selain itu, setiap kali selepas pilihanraya taklimat akan diberikan kepada Ahli Parlimen. | Ahli Parlimen akan lebih bersedia dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang. |
| 11 | 1.4.8 | Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berhubung perbelanjaan untuk meneliti dasar kewangan Kerajaan mengenai sumber pendapatan dan perbelanjaan. | Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet telah ditubuhkan pada 16 Ogos 2018 dan dianggotai oleh Datuk Seri Mustapa Mohamed (PH PPBM-Jeli) sebagai Pengerusi, Nik Nazmi Nik Ahmad (PH PKR-Setiawangsa), Datin Paduka Dr Tan Yee Kew (PH PKR-Wangsa Maju), Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH DAP-Bandar Kuching), Khoo Poay Tiong (PH DAP-Kota Melaka), Khairy Jamaluddin (BN UMNO-Rembau) dan Datuk Alexander Nanta Linggi (GPS PBB-Kapit). | Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk meneliti dan membincangkan apa-apa isu berhubung perbelanjaan dan dasar kewangan Kerajaan. | Dasar kewangan kerajaan akan lebih telus dan komprehensif. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PARLIMEN MALAYSIA** | | | | | |
| 12 | 1.4.9 | Memperkasa bidang kuasa Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dengan kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan daripada Kerajaan. | 1. Satu dasar digubal untuk PAC Parlimen mempunyai kuasa di bawah Akta Audit 1957 mengarahkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan khas/khusus kepada mana-mana entiti yang menerima geran/ peruntukan kewangan daripada Kerajaan walaupun entiti berkenaan tidak diwartakan di bawah Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017.<br>2. Membenarkan PAC Parlimen mengadakan kerjasama strategik dengan Menteri Kewangan bagi menggunakan kuasa Menteri Kewangan di bawah Seksyen 5(f) Akta Audit 1957. | Supaya PAC boleh mengaudit semua semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan daripada Kerajaan supaya dapat mematuhi prosedur kewangan dengan lebih telus. | PAC akan menjadi jawatankuasa semak dan imbang semua prosedur kewangan Kerajaan dalam memastikan wang rakyat dibelanjakan dengan telus dan berhemah. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 13 | 1.4.12 | Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dalam mengawal selia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ombudsman Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengaduan Awam [BPA]) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). | 1. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya.<br>2. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam:<br>a. Biro Pengaduan Awam (Ombudsman Malaysia); dan<br>b. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).<br>3. Kewujudan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) merupakan satu mekanisme semak dan imbang yang terdiri daripada Ahli Parlimen di kalangan parti pemerintah dan parti pembangkang. | Menasihati Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ombudsman Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengaduan Awam [BPA]) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengenai penjalanan fungsi serta pelantikan jawatan-jawatan utama di agensi-agensi tersebut. | Memperkukuhkan fungsi Jawatankuasa Pilihan di bawah Parlimen yang lebih telus dan diyakini dan secara langsung menjalankan fungsi dalam mengawal selia agensi-agensi tersebut melalui satu sistem semak dan imbang. |
| 14 | 2.2.1 | Memperkenalkan dasar dalam pengurusan pelantikan perunding merangkumi aspek peranan dan tanggungjawab; mengehadkan penglibatan perunding yang dilantik dalam hal ehwal kewangan dan dasar organisasi. | Dasar dalam pengurusan pelantikan perunding telah digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PK 3: Perolehan Perunding yang berkuat kuasa pada 31 Jan 2019. | Pelantikan perunding secara individu tidak digalakkan, walau bagaimanapun adalah dibenarkan hanya bagi kajian Kerajaan atau yang memerlukan khidmat nasihat kepakaran individu tersebut bagi pelaksanaan kajian berkenaan sahaja. | Sekiranya pelantikan perunding individu dilantik, arahan dan syarat di dalam dokumen pelawaan atau lantikan hendaklah jelas agar perunding dapat memahami keperluan projek/kajian/tugas. Perkara ini secara langsung dapat mengurangkan pembaziran hasil dan penyalahgunaan kuasa. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 15 | 2.2.4 | Memperkenalkan garis panduan yang telus dalam pelantikan Pegawai Khas, Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit, Setiausaha Media kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri merangkumi perkara berikut:<br>i. terma dan syarat pelantikan<br>ii. bilangan pegawai yang layak dilantik<br>iii. fungsi dan tanggungjawab<br>iv. gaji dan imbuhan yang layak | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 berhubung Perjawatan dan Urusan Perkhidmatan di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri. | Penetapan gred jawatan pegawai-pegawai di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri dilaksanakan dengan mengambil kira aspek fungsi dan skop akauntabiliti, struktur dan hierarki, perbandingan relativiti (antara gred) dan pariti (antara fungsi), kadar upah untuk kerja serta beban dan kompleksiti tugas. | Bagi memastikan keharmonian struktur dan tadbir urus yang baik di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri melalui pelantikan Pegawai Khas, Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit, Setiausaha Media kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri yang mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)** | | | | | |
| 16 | 2.2.6 | Memperkenalkan dasar penempatan daripada kalangan pegawai berkarier diplomatik sahaja dan bukan ahli politik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara (Duta/Pesuruhjaya Tinggi/Konsulat Malaysia). | Selaras dengan dasar kerajaan terkini, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah membuat tindakan penamatan semua Ketua Perwakilan lantikan politik pada 30 Jun 2018. Pelantikan Ketua Perwakilan baharu telah dibuat di kalangan pegawai berkarier diplomatik (*career diplomat*) di Wisma Putra sahaja. | Pelantikan pegawai selaku Ketua Perwakilan adalah dari kalangan pegawai berkarier diplomatik (*career diplomat*) Wisma Putra selaras dengan kelayakan dan pengalaman pegawai-pegawai tersebut. | Pelantikan pegawai sebagai Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara (Duta Besar/ Pesuruhjaya Tinggi/ Konsulat Jeneral/ Konsul) adalah lebih telus (*transparent*) dari kalangan pegawai berkarier diplomatik (*career diplomat*) Wisma Putra dan tidak mempunyai kaitan dan kepentingan mana-mana parti politik |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN KERJA RAYA (JKR)** | | | | | |
| 17 | 3.1.2 | Memastikan semua agensi dan agensi kawal selia untuk melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan. | Pengurusan Nilai Kejuruteraan (VE) bagi projek yang bernilai RM50 Juta dan ke atas. (Projek *Rolling Plan* 4 [RP-4 RMK-11]) menetapkan supaya agensi mendapatkan khidmat nasihat daripada JKR. | 1. Sehingga 31 Disember 2019, 20 projek berjaya dilaksanakan seperti yang disasarkan.<br>2. Berdasarkan statistik sehingga 13 Disember 2019, rekod pelepasan projek oleh agensi adalah 3.82% daripada jumlah permohonan pembangunan (agensi yang membuat permohonan pelepasan untuk melaksanakan sendiri projek). Dijangka sehingga 31 Disember 2019, ianya tidak akan melebihi 5%. Justeru dari itu, had permohonan pelepasan di dalam kawalan JKR.<br>3. JKR telah melaksanakan sebanyak 224 projek daripada 411 projek RMK-11 (RPA4) tahun 2019 yang melepasi saringan kesediaan pelaksanaan projek iaitu telah memenuhi kriteria brif projek, perihal tanah dan kos. | Semua agensi dan agensi kawal selia melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan dan sekaligus memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam (Sistem Perolehan sedia ada yang digunakan oleh JKR). |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | | | | |
| 18 | 3.2.2 | Memperkenalkan klausa standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam semua projek/ kontrak yang melibatkan Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Sekiranya berlakunya pelanggaran kontrak, maka Kerajaan boleh pada bila-bila masa, menamatkan dan/atau memfailkan kes sivil terhadap pihak dalam kontrak. | 1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia/PK 4.2: Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 September 2017.<br>2. Format piawai Surat Setuju Terima (SST) yang merangkumi klausa bagi melindungi kepentingan Kerajaan telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. | Penambahbaikan ke atas perolehan Kerajaan dan mewujudkan klausa standard bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam kontrak piawai PWD203. | Pemantapan urus tadbir perolehan Kerajaan terutama yang berkaitan pentadbiran kontrak dan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara sekiranya wujud pelanggaran yang serius. |
| 19 | 3.2.3 | Memastikan pelantikan kontraktor penyelamat melalui tender terbuka. | Pekeliling Perbendaharaan Malaysia/PK 4.5: Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit yang berkuat kuasa pada 29 Jun 2018. | Paparan senarai kontrak penyelamat yang telah dilantik melalui tender terbuka pra-kelayakan dan dipaparkan dalam laman sesawang Kementerian Kerja Raya bermula pada 27 Februari 2019. | Projek-projek sakit dijangka dapat dikurangkan melalui pemilihan kontraktor yang berkaliber dan pelantikan kontraktor penyelamat akan mematuhi prosedur yang ditetapkan. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | | | | |
| 20 | 3.2.4 | Memperkenalkan mekanisme untuk mengekang ketirisan dalam dana Kerajaan (dana bantuan) dan geran. | PB 1.3 (Garis Panduan Penyediaan Belanjawan Tahunan) yang berkuat kuasa pada 4 Mei 2020 dan PB 3.1 iaitu Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan | Panduan supaya pengurusan/ penyediaan dana Kerajaan dibuat berdasarkan keutamaan bagi mengelak sebarang pembaziran/ ketirisan. | Perbelanjaan Kerajaan dengan lebih berhemat yang menjurus kepada pencapaian *outcome* dan mengikut keutamaan dan objektif pemberian dana dan geran tersebut dicapai. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PKPMP)** | | | | | |
| 21 | 4.1.2 | Menambah Mahkamah Khas Rasuah di seluruh negara bagi menguruskan kes rasuah yang tertunggak. | 18 Mahkamah Khas Rasuah telah diwujudkan. | Kes rasuah dilupuskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. | Kes rasuah dilupuskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan berikutan bilangan mahkamah khas rasuah yang telah ditubuhkan. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)** | | | | | |
| 22 | 5.1.1 | Menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan memasukkan elemen teknologi bagi mengurangkan kes kekerasan ke atas tahanan/banduan oleh pegawai penguatkuasa. | Elemen teknologi telah diambil kira dalam penambahbaikan SOP-SOP berikut:<br>1. Penambahbaikan SOP Layanan Terhadap Banduan/Tahanan/Juvana telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia pada 12 September 2019.<br>2. Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 25 Oktober 2019.<br>3. Penambahbaikan SOP Pengurusan Lokap: CCTV Lokap telah dilaksanakan oleh Jabatan Polis Diraja Malaysia pada 27 Disember 2019.<br>4. Prosedur Tetap Operasi Pengurusan Lokap dan Tahanan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah dikeluarkan pada 12 Disember 2019.<br>5. Penambahbaikan SOP berkaitan Tahanan/Banduan telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan sejak April 2019. | Penambahbaikan SOP memberikan impak positif melalui :<br>1. Keberadaan di tempat bertugas (kepontengan ketara berkurangan).<br>2. Sikap dan layanan pada tahanan / banduan yang lebih baik dan berhemah.<br>3. Pemantauan yang lebih teratur.<br>4. Perlakuan palsu terancang tahanan/ banduan dapat dikesan. (Contoh: Berpura-pura sakit [lakonan]). | 1. *Death in Custody* dapat dielakkan.<br>2. Kekurangan yang sedia ada dibuktikan melalui naziran berteknologi (pemantauan elektronik).<br>3. Tindakan segera/ pantas dalam isu kecemasan.<br>4. Kesahihan aduan banduan/tahanan.<br>5. Integriti pegawai/ kakitangan dapat dipertingkatkan ke paras terbaik.<br>6. Keberhasilan dari segi perkhidmatan menjadi lebih teratur.<br>7. Kejujuran dapat dipertingkatkan. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)** | | | | | |
| 23 | 5.1.2 | Membendung salah laku dalam Jabatan Imigresen Malaysia melalui kawalan dalaman. | Statistik kes siasatan ke atas Pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengalami penurunan lebih daripada 10%. | Pegawai dan kakitangan JIM mengetahui dan memahami akan peraturan yang sedang berkuatkuasa dan seterusnya mengurangkan risiko pelanggaran peraturan. | Mengurangkan kes-kes salah laku pegawai di bawah peraturan tatatertib dan mengelakkan pegawai dari terjebak di dalam aktiviti jenayah. |
| 24 | 5.1.4 | Menubuhkan *Royal Commission of Inquiry* (RCI) untuk menyiasat kewujudan kem pemerdagangan manusia dan kubur di Wang Kelian, Perlis. | Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) telah ditubuhkan pada 5 Mac 2019. | 1. Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) telah ditubuhkan berkaitan penemuan 147 kubur dan 28 kem pemerdagangan manusia yang ditinggalkan. RCI telah meneliti semua dokumen dan bukti berkaitan dengan kes penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian dan juga menyiasat sama ada penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap penguatkuasaan selepas kejadian serta mengenal pasti implikasi terhadap negara selepas kejadian.<br>2. Laporan RCI telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 30-31 Oktober 2019. Laporan juga telah dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Januari 2020. | Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil tindakan-tindakan seperti yang telah disyor oleh RCI dan mengelakkan kes-kes pemerdagangan manusia berlaku di Malaysia pada masa hadapan. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)** | | | | | |
| 25 | 5.2.1 | Membudayakan amalan ketelusan dalam sistem pengurusan pekerja asing. | 1. Kelulusan permohonan penggajian pekerja asing melalui Pusat Kelulusan Setempat (OSC) telah ditambah baik. Ini terbukti dengan kelulusan yang hanya mengambil masa 30 minit selepas temuduga berbanding 24 jam sebelum ini.<br>2. Pelaksanaan *System Maid Online* (SMO) secara atas talian bagi permohonan Pembantu Rumah Asing untuk majikan yang layak bermula pada 1 Januari 2018.<br>3. Pelaksanaan permohonan Pelanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara kini boleh dibuat secara atas talian (ePLKS) tanpa menggunakan khidmat ejen dan syarikat bermula pada 1 Januari 2020. | 1. Waktu menunggu yang lebih singkat membolehkan pelanggan membuat urusan susulan berkaitan pekerja asing pada hari yang sama tanpa perlu hadir semula pada hari atau waktu lain.<br>2. Pelaksanaan SMO dan ePLKS secara atas talian mengurangkan kebergantungan dan urusan dengan pihak ketiga seperti ejen dan syarikat. | 1. Proses kerja yang lebih cekap dan cepat, mengurangkan kos masa dan perbelanjaan pelanggan sekaligus meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap mutu perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan.<br>2. Dapat memberikan kemudahan kepada orang awam membuat urusan dengan Jabatan secara atas talian tanpa penglibatan pihak ketiga dan seterusnya mengurangkan risiko salah guna kuasa/rasuah oleh pegawai Jabatan. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 26 | 5.3.1 | Menubuhkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional sebagai agensi yang berwibawa dalam pengurusan aset yang dirampas dan dilucuthak melalui penguatkuasaan bersepadu. | Parlimen meluluskan Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. | Penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional dengan perjawatan seramai 28 orang dan fungsi-fungsi termaktub di bawah Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. | Agensi pusat yang akan menyelaras dan mengendalikan aset yang dirampas dan yang dilucuthakkan secara lebih efektif dan efisien. Ini akan membolehkan Kerajaan membanteras jenayah membabitkan kewangan. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | | | | |
| 27 | 6.1.2 | Mengenakan pendekatan bersyarat dalam penggunaan dana Kerajaan ke atas semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan. | Garis Panduan (GP) Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan WP7.5 yang berkuat kuasa pada 14 April 2020 dipanjangkan untuk diguna pakai oleh semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan selain daripada Kementerian Kewangan sahaja. | 1. Syarikat-syarikat yang menerima dana Kerajaan seperti subsidi, geran, suntikan ekuiti, perbelanjaan operasi dan sebagainya mesti melaporkan penggunaan dana tersebut pada setiap suku tahun dan syarat-syarat penggunaan dana (KPI *milestone* program/projek) dinyatakan dalam klausa surat setuju terima.<br>2. Bagi pinjaman Kerajaan, terma dan syarat pinjaman dinyatakan dalam Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan dan syarikat tersebut.<br>3. Bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), peraturan perolehan BBP menggunakan Sumber Kerajaan Sepenuhnya atau Sebahagiannya dan Sumber Dalaman BBP Sepenuhnya telah diperjelaskan dalam peraturan WP7.5. | Dana Kerajaan akan dapat diurus dengan lebih berhemat yang menjurus kepada pencapaian *outcome* dan mengikut keutamaan dan objektif pemberian dana tersebut dicapai. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | | | | |
| 28 | 6.1.3 | Mengenakan perisytiharan penuh ke atas semua Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berkaitan perkara berikut:<br><br>i. pegangan saham pengurusan kanan sama ada secara langsung dan tidak langsung;<br>ii. jawatan seseorang ahli lembaga pengarah dan mana-mana jawatan utama di syarikat awam yang lain (disenaraikan atau pun tidak);<br>iii. ganjaran seseorang pengarah secara terperinci;<br>iv. ganjaran yang diterima oleh pengurusan kanan berdasarkan band. | Pematuhan kepada Akta Syarikat 2016 dan *Malaysian Code on Corporate Governance 2017* telah mewajibkan pengisytiharan penuh bagi perkara-perkara yang disenaraikan oleh semua syarikat sama ada syarikat swasta dan milik Kerajaan. | Pecahan pegangan saham syarikat dilaporkan dalam Laporan Kewangan Tahunan Syarikat termasuk senarai keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) serta ganjaran dan yuran. | Polisi perisytiharan maklumat memberi keyakinan kepada pelabur dan pemegang taruh bagi menunjukkan ketelusan dan kebertanggungjawaban, ALP dan kumpulan pengurusan. Dengan adanya polisi pendedahan maklumat, keyakinan pelabur akan meningkat. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Apabila Telah Dilaksanakan | Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Setelah Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI (MEA)** | | | | | |
| 29 | 6.2.6 | Mewujudkan mekanisme perisytiharan penuh maklumat anak syarikat dan syarikat bukan disatukan dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan. | 1. Seksyen 252 Akta Syarikat 2016 memperuntukkan bahawa pengarah syarikat hendaklah menyediakan Laporan Pengarah yang perlu difailkan bersama Penyata Kewangan Tahunan syarikat dengan SSM.<br>2. Syarikat juga perlu menzahirkan (*disclose*) anak syarikat di dalam penyata kewangan yang disatukan berdasarkan Seksyen 250 Akta Syarikat 2016. | 1. Mengikut Jadual Kelima di bawah Seksyen 253 Akta Syarikat 2016, Laporan Pengarah tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas dalam Penyata Kewangan yang disatukan bagi syarikat dan subsidiarinya (*consolidated accounts*) nama, tempat diperbadankan, aktiviti utama dan peratus modal syer diterbitkan yang dipegang oleh syarikat tersebut di dalam setiap subsidiari; dan<br>2. Syarikat akan memfailkan Penyata Kewangan dan Laporan Pengarah dengan SSM melalui sistem atas talian (*online*) yang dikenali sebagai *Malaysian Business Reporting System* (MBRS). | Sistem perisytiharan maklumat meneguhkan serta menyokong pengurusan yang baik dan pada masa yang sama menunjukkan kebertanggungjawaban, serta amalan tadbir urus korporat yang kukuh. Dengan adanya polisi perisytiharan maklumat, keyakinan pelabur dalam mana-mana anak syarikat dan syarikat bukan disatukan dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan akan meningkat. |

# PENJELASAN PENGUKURAN KEBERKESANAN INISIATIF KE ATAS 86 INISIATIF YANG MASIH DALAM TINDAKAN

# Penjelasan Pengukuran Keberkesanan Inisiatif ke atas 86 Inisiatif yang masih dalam tindakan adalah sebagaimana jadual berikut:

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)** | | | | | |
| 1 | 1.1.1 | Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian penggunaan dan pelaksanaan sistem pilihan raya elektronik. | Laporan kajian mengenai kesesuaian penggunaan eletronik dalam pilihan raya kepada kerajaan. | Kesesuaian penggunaan pengundian elektronik dalam pilihan raya. | Proses pengundian di dalam pilihan raya yang lebih efisien dan diyakini awam. |
| 2 | 1.1.2 | Mengkaji semula jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan bagi setiap kawasan pilihan raya; pihak yang dibenarkan untuk menerima dan membuat perbelanjaan; mentafsir dengan lebih jelas definisi perbelanjaan pilihan raya. | Laporan kajian semula ke atas:<br>1. Had perbelanjaan yang sesuai ditetapkan bagi calon yang bertanding dalam pilihan raya bagi kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.<br>2. Kaedah pengisytiharan dan mekanisme pengesahan perbelanjaan melalui penyata perbelanjaan. | Penetapan had perbelanjaan baharu bagi calon yang lebih sesuai serta mekanisme pelaksanaannya. | Had perbelanjaan calon baharu yang bersesuaian dan mekanisme perbelanjaan yang lebih telus. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)** | | | | | |
| 3 | 1.1.3 | Menentukan tarikh tetap untuk hari Pilihan Raya atau menentukan tempoh tetap untuk Kerajaan mengisytiharkan Pilihanraya Umum. Sebarang Pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebelum tarikh atau tempoh yang ditetapkan hanya boleh dilaksanakan dengan kelulusan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. | Pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19). | Tempoh untuk Kerajaan mengisytiharkan pembubaran Parlimen dan tarikh tetap pilihan raya diumumkan. | Perancangan kedua-dua pihak bagi persediaan pilihan raya umum iaitu kepada Kerajaan dan pembangkang akan dilihat sebagai adil dan telus. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN** | | | |
| 4 | 1.1.4 | Membentuk proses penentuan persempadanan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telus. | 1. Penambahbaikan garis panduan persempadanan bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan urusan pentadbiran semasa melaksanakan urusan kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya.<br>2. Penyediaan dasar persempadanan bagi tujuan memperjelaskan prinsip-prinsip persempadanan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. | Urusan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya yang telus dan diyakini oleh semua pihak. | Kajian semula persempadanan semula bahagian pilihan raya yang efisien, telus dan diyakini awam. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| **Bil.** | **Inisiatif** | | **Penghasilan *Output*** | **Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)*** | **Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)*** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)** | | | | | |
| 5 | 1.1.5 | Mengkaji semula dan memperkasakan Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). | Penambahbaikan ke atas Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). | Penggunaan jentera Kerajaan dalam mempromosikan pemilihan mana-mana calon atau parti politik sebagai suatu kesalahan. | Sistem platform pertandingan yang bersih dan sama rata kepada semua calon yang bertanding dalam pilihan raya. |
| 6 | 1.1.8 | Meminda Perkara 114 (4) dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung Perlembagaan Suruhanjaya Pilihanraya dengan menambah kriteria untuk membatalkan keahlian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya termasuk penglibatan dalam parti politik (dahulu atau sekarang). | Pindaan ke atas Perkara 114 (4) Perlembagaan Persekutuan. | Kriteria baru untuk membatalkan kelayakan anggota-anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, termasuk penglibatan masa lalu atau semasa dalam parti politik. | SPR yang *credible* dan diyakini mendapat kepercayaan awam. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN** | | | |
| 7 | 1.1.9 | Memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5.) | Penambahbaikan ke atas Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). | Penggunaan jentera Kerajaan dalam mempromosikan pemilihan mana-mana calon atau parti politik sebagai suatu kesalahan. | Sistem platform pertandingan yang bersih dan sama rata kepada semua calon yang bertanding dalam pilihan raya. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)** | | | | | |
| 8 | 1.2.3 | Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara dan memberi autonomi yang lebih luas dengan meletakkannya di bawah Parlimen. | Memperoleh autonomi pengurusan sumber manusia dan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan pengauditan sektor awam, selaras dengan *Lima Declaration*, *Mexico Declaration* dan Resolusi United Nations A/66/209 serta memelihara kebebasan JAN sebagai *Supreme Audit Institutions*. | 1. Pengauditan dilaksanakan dengan berkesan sebagai *assurance* terhadap pengauditan selaras dengan sekyen 6 Akta Audit 1957 (Akta 62).<br>2. Pengauditan di bawah seksyen 6 Akta Audit 1957 (Akta 62) bagi memastikan entiti sektor awam mengambil tanggungjawab terhadap *stewardship* mereka atas penggunaan sumber/dana awam, penemuan audit, syor audit serta tindakan sewajarnya | 1. Mengukuhkan akauntabiliti, ketelusan, integriti kerajaan serta entiti sektor awam selaras dengan pengauditan di bawah seksyen 5 Akta Audit 1957 (Akta 62) serta ISSAI 12.<br>2. Menggalakkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)** | | | | | |
| 9 | 1.2.4 | Meminda Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Tiga (3) Tahun 1998 dengan memasukkan tafsiran tajaan serta memperkukuhkan mekanisme pemantauan | Pindaan ke atas Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam. | Pemantauan pengurusan hadiah dan tajaan yang lebih berkesan di kalangan penjawat awam. | Mengurangkan risiko berlakunya amalan rasuah, penyelewengan serta pelanggaran integriti dan seterusnya dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 10 | 1.2.5 | Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik termasuk kesalahan melobi. | Rang undang-undang sumbangan politik. | Meningkatkan ketelusan dalam perisytiharan sumbangan politik oleh penderma dan penerima (ahli-ahli politik). | Pewujudan satu sistem kawalan berkenaan dengan perisytiharan sumbangan politik dan ia bertujuan memastikan tidak ada elemen rasuah, konflik kepentingan dan penggunaan wang hasil daripada aktiviti haram dalam politik. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)** | | | | | |
| 11 | 1.2.6 | Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia. | Penubuhan Ombudsman Malaysia. | Penubuhan Ombudsman Malaysia sebagai sebuah badan bebas (*impartial*) yang mempunyai kuasa dan penubuhan melalui sebuah akta untuk menyiasat dan mengurus aduan berkaitan salah tadbir urus di Malaysia dengan lebih cekap dan berkesan. | Sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berintegriti, cekap dan berkesan melalui pelaksanaan syor oleh Ombudsman Malaysia dalam bentuk tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan. Ombudsman Malaysia akan menjadi pelengkap kepada kesemua agensi awam ke arah pelaksanaan fungsi dan tadbir urus yang lebih mantap supaya bersama-sama memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat di samping meningkatkan imej dan kewibawaan Perkhidmatan Awam dan Kerajaan. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 12 | 1.2.7 | Meminda Perlembagaan Persekutuan/Undang-undang Tubuh Negeri bagi mengehadkan tempoh memegang jawatan bagi Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar. | Penggubalan undang-undang yang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengehadkan tempoh memegang jawatan bagi Perdana Menteri. | Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam perenggan (a) Fasal (2) Perkara 43 bagi memasukkan peruntukan bagi kriteria tambahan berhubung dengan kelayakan ahli Dewan Rakyat untuk dilantik sebagai Perdana Menteri dan menetapkan bahawa seseorang ahli Dewan Rakyat tidak boleh dilantik sebagai Perdana Menteri jika beliau pernah memegang jawatan Perdana Menteri bagi tempoh dua (2) penggal Parlimen. | Pindaan ini dapat memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang dalam sistem pentadbiran Negara. Usaha ini diambil untuk mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri kepada dua (2) penggal bagi membendung kemungkinan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan rasuah. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN** | | | |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)** | | | | | |
| 13 | 1.2.8 | Memperkenalkan rang undang-undang baharu berhubung Kebebasan Maklumat. | Rang undang-undang berkaitan kebebasan maklumat digubal. | Mempertingkatkan penzahiran maklumat untuk kepentingan awam dan memberikan peluang/ hak kepada setiap individu untuk akses kepada maklumat Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan melalui permohonan yang dikemukakan kepada pihak berkenaan. | Menjamin akauntabiliti dan ketelusan pentadbiran bagi melengkapi Akta Rahsia Rasmi 1972. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)** | | | | | |
| 14 | 1.2.9 | Memperkenalkan perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta dan kepentingan oleh Ahli Parlimen. | Peruntukan undang-undang berkaitan perisyiharan harta dan kepentingan oleh semua Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen. | Peruntukan di bawah perundangan bertulis supaya semua semua Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen membuat perisytiharan harta dan kepentingan. | Meningkatkan integriti Kerajaan, semua Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen melalui pematuhan mandatori ke atas obligasi mengisytiharkan harta dan kepentingan yang mana kegagalan pematuhan boleh membawa kepada tindakan undang-undang. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 15 | 1.3.1 | Melarang Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu, semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh. | Arahan YAB Perdana Menteri berkaitan dengan pengendalian permohonan surat sokongan. | Pengendalian permohonan surat sokongan oleh Anggota Pentadbiran dengan secara lebih telus dan tiada percanggahan kepentingan. | Jentera pentadbiran bebas daripada salah guna kuasa dan rasuah. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 16 | 1.3.2 | Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dan Ketua Setiausaha | Arahan YAB Perdana Menteri mengenai pengurusan had bidang kuasa Menteri dan Ketua Setiausaha. | 1. Pengurusan had bidang kuasa Menteri dalam menentukan hala tuju kementerian setelah mendapat kelulusan dasar daripada Jemaah Menteri.<br>2. Pengurusan had bidang kuasa Ketua Setiausaha Kementerian adalah memberi pimpinan dalam penggubalan dasar-dasar, perancangan dan pelaksanaan program dan projek Kementerian dalam masa yang ditentukan setelah sesi konsultasi dengan Menteri untuk mencapai dasar dan objektif Kementerian. | Pematuhan Arahan Perdana Menteri mengenai pengurusan had bidang kuasa dan tanggungjawab Menteri dan Ketua Setiausaha supaya wujud semak dan imbang di antara kedua-dua jawatan utama di dalam sesuatu Kementerian. |
| 17 | 1.3.3 | Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja. | Pengemaskinian SPA Bil 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan melalui pengeluaran garis panduan baharu dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja. | Mewujudkan satu standard pelantikan ahli politik yang telah disemak dan terbukti mempunyai rekod kelayakan, pengalaman, profesionalisme, tahap kompetensi dan pencapaian yang hebat dalam melantik ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG). | Kepatuhan terhadap amalan tadbir urus terbaik Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 18 | 1.3.5 | Memperkenalkan dasar yang jelas bagi menyekat campur tangan politik dalam membuat keputusan mengenai pemecatan dan pelantikan Pengerusi/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan. | Pengemaskinian SPA Bil 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan melalui pengeluaran garis panduan baharu dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja. | Tiada campur tangan politik terhadap keputusan mengenai pelantikan dan pemecatan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan. | Keseimbangan kuasa melalui penyeliaan ke atas politik terhadap pelantikan dan pemecatan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PARLIMEN MALAYSIA** | | | | | |
| 19 | 1.4.5 | Mengkehendaki Yang di-Pertua Dewan Rakyat meletak jawatan daripada mana-mana jawatan yang dipegang dalam parti politik apabila dipilih sebagai Yang di-Pertua; untuk melantik salah seorang daripada Timbalan Speaker Dewan Rakyat daripada kalangan ahli Parti Pembangkang. | Pindaan Aturan 4 dan 6 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (*Standing Orders of the Dewan Rakyat*) | Aturan yang menggariskan untuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat meletak jawatan daripada mana-mana jawatan yang dipegang dalam parti politik apabila dipilih sebagai Yang di-Pertua dan untuk memilih dua (2) orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat daripada kalangan ahli Parti Kerajaan dan ahli Parti Pembangkang. | Mengukuhkan institusi Parlimen (Dewan Rakyat) dalam amalan sistem demokrasi berparlimen dan sebagai suatu institusi semak dan imbang yang telus bagi Kerajaan. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN** | | | |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 20 | 1.4.6 | Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dan Ketua Setiausaha. | Garis panduan tentang peranan Kerajaan sementara. | Kerajaan sementara ini adalah untuk mengurangkan risiko salah guna kuasa akibat ketiadaan Parlimen yang mampu melakukan peranan semak dan imbang. Selain itu, ia juga berperanan untuk memastikan pemimpin kerajaan tidak menggunakan jentera Kerajaan untuk tujuan kempen kepartian, serta mengekalkan badan pentadbiran kerajaan sebagai badan yang bebas daripada campur tangan politik. | Garis panduan itu mampu memenuhi kehendak amalan konvensyen yang berkuat kuasa di negara-negara demokrasi berparlimen lain. Ia akan menangani salah guna jentera kerajaan untuk kempen pilihan raya, mewujudkan pengasingan yang jelas antara kerajaan dan parti. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERKHDIMATAN AWAM (JPA)** | | | | | |
| 21 | 1.4.10 | Mencadangkan rang undang-undang pelantikan penjawat awam 2018 untuk mengawal pelaksanaan kuasa eksekutif dalam pelantikan jawatan awam yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta. | Akta Perkhidmatan Awam Persekutuan berhubung Pengurusan Sumber Manusia diwujudkan. | Ketelusan dan integriti dalam kalangan pegawai awam, urus tadbir yang baik selain pemisahan kuasa antara pegawai awam dan kuasa eksekutif. | 1. Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bersifat apolitikal supaya pegawai awam berkhidmat untuk Kerajaan dan rakyat dengan telus dan bertanggungjawab.<br>2. Memperkukuhkan asas integriti dan tadbir urus yang baik dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PERUNDANGAN BARU YANG LEBIH KOMPREHENSIF** | | | |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : PARLIMEN MALAYSIA** | | | | | |
| 22 | 1.4.11 | Menguatkuasakan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Parlimen Malaysia yang baharu. | Parlimen mempunyai autonomi sendiri serta dapat memainkan peranan dengan menimbang serta memeriksa kuasa eksekutif Kerajaan demi kebaikan rakyat dan negara. | Aspek kewangan dan perjawatan Parlimen dapat diurus sendiri secara bebas kerana Parlimen mengetahui kepentingan (perbelanjaan) yang diperlukan. Sekiranya akta ini diperkenalkan semula, ia memberi asas kepada pengasingan kuasa yang baik seperti yang pernah diamalkan dahulu. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)** | | | | | |
| 23 | 2.1.1 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif. | Pekeliling pusingan kerja mengikut model baharu. | Pegawai Awam Kerajaan yang memegang jawatan sensitif tidak ditempatkan di sesebuah organisasi dalam satu tempoh masa yang lama bagi mengurangkan berlakunya elemen rasuah atau salah guna kuasa. | Menjadikan perkhidmatan awam yang lebih telus dan berintegriti tinggi. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | | | | |
| 24 | 2.1.2 | Menggubal dasar dalam mengurus penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun. | 1. Pindaan ke atas Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan" dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja.<br>2. Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah bagi Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Badan Berkanun dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja. | Pelantikan pegawai Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif ditadbir melalui panduan yang menjelaskan had penglibatan pegawai tersebut bagi menjaga kepentingan Kerajaan. | Dasar pelantikan pegawai Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah akan menjadi satu panduan dalam mengehadkan penglibatan Pegawai Kerajaan di dalam Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun bagi mengelakkan konflik kepentingan dan secara langsung penyelewengan dalam pemberian kontrak. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)** | | | | | |
| 25 | 2.1.3 | Memperkenalkan pensijilan *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) MS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan. | Agensi Kerajaan mengimplementasikan sistem pensijilan *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) MS ISO 37001. | 1. Pengurangan risiko amalan rasuah berlaku di peringkat dalaman dan luaran bagi sesuatu organisasi. Standard ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif antirasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya.<br>2. 22 agensi Kerajaan telah dipersijilkan ABMS sehingga 31 Disember 2019. | 1. ABMS sebagai sebuah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguat kuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan.<br>2. ABMS merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang dikenal pasti di dalam organisasi. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)** | | | | | |
| 26 | 2.1.4 | Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:<br><br>a. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik di tempat kerja dalam sektor awam berpandukan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007; dan<br>b. Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam: Modul ini mencadangkan inisiatif dalam memantapkan dan menyepadukan nilai dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian dalam pengoperasian sektor awam.<br><br>Modul ini mengesyorkan inisiatif untuk meningkatkan dan menyatukan nilai ke dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian di dalam operasi perkhidmatan awam. | Penghasilan Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) 2.0 kepada semua kementerian dan agensi serta menambah baik modul-modul yang ditawarkan INTAN berteraskan integriti, etika, akauntabiliti dan kecekapan sektor awam. | Elemen integriti dan etika serta nilai murni diterapkan dengan lebih meluas di dalam kursus-kursus anjuran INTAN dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. | Peningkatan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam serta pemantapan amalan baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)** | | | | | |
| 27 | 2.1.5 | Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga (3) agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia. | Semua sektor awam telah membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (OACP). | Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak tiga (3) agensi sektor awam telah membangunkan OACP iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). | Pemantapan dan pemerkasaan tadbir urus, integriti dan antirasuah di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi dilaksanakan berdasarkan OACP masing-masing. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 28 | 2.1.6 | Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen. | Satu garis panduan yang menggariskan mekanisme dalam pengeluaran permit dan lesen diwujudkan dan dikawal selia oleh satu (1) entiti. | Pengeluaran permit dan lesen di semua peringkat agensi termasuk kementerian, negeri dan pihak berkuasa tempatan diselaraskan berpandukan satu mekanisme sahaja agar kelemahan tadbir urus pengeluaran permit dan lesen dapat ditangani. | Pengwujudan *Integrity Pact* (IP) bagi pengeluaran permit dan lesen serta mewajibkan IP tersebut ditandatangani oleh pegawai agensi pengeluar dan pemohon permit dan lesen. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)** | | | | | |
| 29 | 2.2.2 | Memperkenalkan dasar dalam menguruskan pelantikan pegawai *Contract For Service* (CFS) di semua agensi kerajaan untuk mengehadkan penglibatan CFS dalam hal ehwal kewangan dan dasar organisasi. | Dasar dan prosedur berkaitan pelantikan pegawai *Contract For Service.* | Mekanisme pelantikan *Contract for Service* akan dijelaskan dengan lebih terperinci mengikut skop kerja dalam suatu jangka masa yang ditetapkan. | Kepentingan Kerajaan daripada sebarang implikasi perundangan dan kewangan dilindungi serta mengehadkan penglibatan pegawai CFS di dalam hal ehwal kewangan dan pentadbiran sesebuah organisasi. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)** | | | | | |
| 30 | 2.2.3 | Menambahbaik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan mengambilkira elemen integriti sebagai prasyarat (termasuk pegawai tinggi Kerajaan). | Penambahbaikan proses kerja dan peraturan urusan kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada. | Penghasilan pegawai awam yang kompeten dan berintegriti tinggi untuk ditempatkan di jawatan-jawatan yang strategik dalam perkhidmatan awam. | Penghasilan pegawai awam yang berintegriti tinggi di seluruh perkhidmatan awam. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta ***(Immediate Outcome)*** | Keberhasilan Jangka Panjang ***(Long-Term Outcome)*** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)** | | | | | |
| 31 | 2.2.5 | Memperkenalkan dasar/ garis panduan "tempoh bertenang" (*cooling-off period*) untuk penjawat awam dan pegawai kanan Kerajaan sebelum menerima pelantikan ke jawatan eksekutif di entiti Korporat. | Dasar / garis panduan "tempoh bertenang" (*cooling-off period*) untuk pegawai awam yang bersara sebelum menerima pelantikan jawatan eksekutif di entiti korporat. | Pengurangan risiko salah guna kuasa serta pengaruh pegawai awam kerajaan yang akan atau telah bersara sebelum menerima pelantikan ke jawatan eksekutif di entiti korporat untuk kepentingan peribadi. | Pengurangan risiko salah guna kuasa dan rasuah terhadap penjawat awam yang akan atau telah bersara untuk kepentingan peribadi dengan menggunakan pengaruh semasa memegang jawatan akhir di Kerajaan. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PERUNDANGAN BARU YANG LEBIH KOMPREHENSIF** | | | |
| 32 | 2.2.7 | Menyemak semula dan memperkukuhkan proses tapisan integriti sedia ada khususnya pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi. | Pengwujudan garis panduan proses kerja dan peraturan urusan kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada. | Pegawai yang kompeten dan berintegriti tinggi untuk ditempatkan di jawatan-jawatan yang strategik dalam perkhidmatan awam. | Penghasilan pegawai awam yang berintegriti tinggi bagi perkhidmatan awam. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)** | | | | | |
| 33 | 2.2.8 | Mewajibkan Pegawai Atase yang ditempatkan di Perwakilan Malaysia di luar negara untuk bertanggungjawab kepada Ketua Perwakilan di luar negara (Duta/ Pesuruhjaya Tinggi/ Konsulat Malaysia). | Pengukuhan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2018 (SPA 2/2018). | Kewujudan hierarki organisasi yang tepat dan pematuhan rantaian perintah (*chain of command*) yang jelas membolehkan urusan operasi dan pentadbiran, termasuk analisa dan pelaporan yang berstruktur (*structured reporting*), sesebuah perwakilan dilaksanakan dengan lebih tepat, cepat dan menyeluruh selaras dengan visi, misi dan objektif perwakilan tersebut. | Ketua Perwakilan membuat keputusan sewajarnya (*informed decision*) berdasarkan pelaporan yang tepat, cepat dan menyeluruh dari semua pegawai, termasuk Pegawai Atase di Perwakilan. Dengan itu, Ketua Perwakilan dapat memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara di samping mengimbangi hubungan Malaysia dengan negara tuan rumah. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)** | | | | | |
| 34 | 2.3.1 | Mengawal selia kuasa ahli politik dan Individu Berpengaruh termasuk mengehadkan pengaruh, campurtangan dan kawalan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. | Garis Panduan Mengenai Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diwujudkan. | Ahli Majlis yang dipilih dapat menyokong agenda, visi dan misi Kerajaan Negeri dan PBT tanpa campur tangan ahli politik dan individu berpengaruh. | Ahli Majlis yang dilantik berupaya melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh kompeten dan berintegriti tanpa campur tangan ahli politik dan individu berpengaruh. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PERUNDANGAN BARU YANG LEBIH KOMPREHENSIF** | | | |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)** | | | | | |
| 35 | 2.3.2 | Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan | Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT). | SPPBT akan menguruskan skim perkhidmatan anggota dan pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui tujuh (7) skop iaitu:<br>1. Pelantikan;<br>2. Pengesahan;<br>3. Memasukkan Perkhidmatan tetap dan berpencen;<br>4. Kenaikan pangkat;<br>5. Pertukaran;<br>6. Menjadi Suruhanjaya Rayuan Kes Tatatertib; dan<br>7. Penamatan perkhidmatan. | Isu-isu yang berkaitan perkhidmatan tertutup anggota PBT ditangani melalui:<br>1. Kemajuan kerjaya Pegawai/Kakitangan PBT terhad;<br>2. Anggota PBT yang bermasalah tidak boleh ditukarkan ke PBT lain;<br>3. *Little Napoleon*;<br>4. Pegawai terdedah rasuah; dan<br>5. Peluang rayuan terhad bagi kes tatatertib. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PERUNDANGAN BARU YANG LEBIH KOMPREHENSIF** | | | |
| 36 | 2.3.3 | Memperkenalkan skim pusingan kerja untuk pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan yang memegang sesuatu jawatan untuk suatu tempoh masa. | Garis panduan mengenai skim pusingan kerja untuk pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan diperkenalkan. | Penubuhan SPPBT akan selari dengan objektif Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 bertajuk Panduan Pertukaran Pegawai Awam. Pekeliling ini menjelaskan mengenai dasar pertukaran pegawai supaya dibuat secara teratur dan seragam. | Menjadikan perkhidmatan awam yang lebih telus dan berintegriti tinggi di PBT. |
| | | **NOTA: DITANGGUHKAN KERANA MEMERLUKAN PERUNDANGAN BARU YANG LEBIH KOMPREHENSIF** | | | |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)** | | | | | |
| 37 | 2.4.1 | Mengkaji semula bagi memantapkan kurikulum bagi pendidikan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah. | Kurikulum dan latihan bagi pendidikan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah. | Aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah akan diterap di dalam bakal guru melalui sistem pengajaran dan pembelajaran. | Menyemai golongan guru dengan integriti yang tinggi dan dapat memperkukuhkan elemen yang murni kepada golongan pelajar. |
| 38 | 2.4.2 | Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah di institut pengajian tinggi. | Program induksi yang ditambah baik yang menekankan elemen integriti dan nilai insan. | Aspek integriti dan nilai insan akan diterap di dalam sistem pendidikan di institut pengajian tinggi. | Menyemai golongan pensyarah dengan integriti yang tinggi dan dapat memperkukukan elemen yang murni kepada golongan mahasiswa. |
| 39 | 2.4.3 | Memperkukuhkan program kepimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan dengan memasukkan elemen tadbir urus insan. | Program kepimpinan yang telah ditambah baik dari segi elemen tadbir urus insan di kalangan warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan. | Elemen tadbir urus insan diterapkan di kalangan warga pendidik dan pentadbir sedia ada di kalangan warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan. | Warga pendidik dan pentadbir KPM yang mempunyai integiti dan modal insan yang tinggi. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | Inisiatif | | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)** | | | | | |
| 40 | 2.4.4 | Memperkukuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan. | Program kepimpinan yang telah ditambah baik dari segi elemen tadbir urus insan bagi warga pendidik dan pentadbir di pusat pengajian tinggi. | Elemen tadbir urus insan diterapkan di kalangan warga pendidik dan pentadbir sedia ada di kalangan warga pendidik dan pentadbir di pusat pengajian tinggi. | Warga pendidik dan pentadbir IPT yang mempunyai integriti dan modal insan yang tinggi |
| 41 | 2.4.5 | Memberi penekanan yang lebih terhadap kepentingan nilai murni insan dalam silibus pendidikan pra-sekolah. | Satu dokumen Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang berasaskan nilai murni. | Murid pra-sekolah diterap dengan nilai murni insan. | Menghasilkan golongan kanak-kanak yang didedahkan dengan kepentingan nilai-nilai murni dan berintegriti. |
| 42 | 2.4.6 | Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh. | Satu Perancangan Program Pendidikan yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah jatidiri dan kepimpinan yang utuh bagi murid peringkat sekolah rendah. | Murid sekolah rendah diterap dengan elemen pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh. | Menghasilkan golongan kanak-kanak yang ditanamkan dengan kepentingan sahsiah jatidiri dan kualiti kepimpinan. |
| 43 | 2.4.7 | Memperkenalkan kursus mata pelajaran wajib universiti pada peringkat ijazah pertama yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran. | Kursus mata pelajaran di universiti pada peringkat ijazah pertama menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran. | Pra-siswazah diterap dengan elemen hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran. | Menghasilkan belia yang peka kepada aspek hubungan antara manusia bagi memberikan kesedaran terhadap kesan negatif rasuah kepada masyarakat sekeliling. |

## PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| 84 | 6.2.4 | Mencadangkan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 sebagai syarat ke atas Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta untuk membida kontrak Kerajaan. | Pengwujudan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 sebagai syarat yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang membida projek Kerajaan. | Membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) bahawa organisasi mempunyai amalan dan inisiatif antirasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya melalui persijilan ABMS. | Sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguat kuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan dan secara langsung memudahkan urusan perolehan dengan Kerajaan. |

# PENGUKURAN DAN PENILAIAN INISIATIF

| Bil. | | Inisiatif | Penghasilan *Output* | Keberhasilan Jangka Serta-Merta *(Immediate Outcome)* | Keberhasilan Jangka Panjang *(Long-Term Outcome)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Hasil Langsung Yang Dijangka Daripada Pelaksanaan Aktiviti | Sasaran Hasil Yang Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Jika Dilaksanakan | Sasaran Perubahan Menyeluruh Dalam Jangka Masa Panjang Jika Dilaksanakan |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI (MEA)** | | | | | |
| 85 | 6.2.5 | Mengeluarkan Arahan Perdana Menteri dalam mentadbir perisytiharan konflik kepentingan dan isu ketelusan dan kecekapan di kalangan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan. | Arahan YAB Perdana Menteri dalam mentadbir perisytiharan konflik kepentingan dan isu ketelusan dan kecekapan dikalangan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sahaja. | Setiap Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan perlu memastikan lembaga pengarah dan pihak pengurusan mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan dalam sebarang urus niaga dengan Syarikat atau mana-mana anak syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung. | Semua pegawai Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) mesti bertindak secara jujur dan beretika apabila berurusan dengan satu sama lain, pemegang kepentingan urusan dan pihak ketiga lain untuk menggalakkan kepercayaan dan keyakinan. |
| **KETUA AGENSI PENERAJU : KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | | | | |
| 86 | 6.2.7 | Memperkenalkan peruntukan undang-undang yang menegah sebarang sumbangan kepada ahli politik dan parti politik oleh Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan. | Rang undang-undang sumbangan politik. | Meningkatkan ketelusan dalam perisytiharan sumbangan politik oleh penderma dan penerima (ahli-ahli politik). | Pewujudan satu sistem kawalan berkenaan dengan perisytiharan sumbangan politik dan ia bertujuan memastikan tidak ada elemen rasuah, konflik kepentingan dan penggunaan wang hasil daripada aktiviti haram dalam politik. |

# BAB 3

# STATUS PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KETUA AGENSI PENERAJU

## Pelaksanaan 115 Inisiatif

Sebanyak 24 agensi telah dikenal pasti sebagai Ketua Agensi Peneraju yang pada masa sama bertindak sebagai Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) kepada Sekretariat Induk NACP di Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah. Pelaporan yang menggunakan templat yang telah ditetapkan oleh Sekretariat Induk Penyelerasan Prestasi NACP dikemukakan oleh Agensi Pelapor melalui ketetapan berikut sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional

1. **Suku tahun pertama (Januari - Mac) - sebelum atau 10 April**

2. **Suku tahun kedua (April - Jun) - sebelum atau pada 10 Julai**

3. **Suku tahun ketiga (Julai - September) - sebelum atau pada 10 Oktober**

4. **Suku tahun keempat (Oktober - Disember) - sebelum atau pada 10 Januari tahun berikutnya**

## RINGKASAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH 24 KETUA AGENSI PENERAJU (AGENSI PELAPOR)

Daripada 115 inisiatif yang telah ditetapkan di dalam NACP tersebut, sebanyak 24 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) telah dikenal pasti dalam memastikan setiap tindakan yang diambil telah mematuhi kehendak dan matlamat NACP. 24 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) adalah seperti berikut:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Kementerian Dalam Negeri **(KDN)**
3. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi **(MEA)**
4. Kementerian Pendidikan Malaysia **(KPM)**
5. Kementerian Kerja Raya **(KKR)**
6. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia **(KKMM)**
7. Kementerian Belia dan Sukan **(KBS)**
8. Kementerian Pembangunan Usahawan **(MED)**
9. Kementerian Luar Negeri **(KLN)**
10. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan **(KPKT)**
11. Parlimen Malaysia
12. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
13. Suruhanjaya Pilihan Raya **(SPR)**
14. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan **(SPKP)**
15. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan **(SIAP)**
16. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**
17. Unit Penyelarasan Pelaksanaan **(ICU)**, JPM
18. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
19. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
20. Jabatan Audit Negara **(JAN)**
21. Jabatan Kerja Raya **(JKR)**
22. Jabatan Standard Malaysia **(JSM)**
23. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan **(PKPMP)**
24. Biro Pengaduan Awam **(BPA)**

Berikut adalah ringkasan status pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan di dalam NACP oleh 24 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor).

# KEMENTERIAN KEWANGAN **(MOF)**

Kementerian Kewangan (MOF) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas 15 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN MOF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN KEWANGAN **(MOF)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan MOF dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi **(MEA)**
2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
3. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
4. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH MOF

**1**



**Inisiatif 2.1.2 : Menggubal dasar dalam mengurus penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Badan Berkanun**

Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri sedang dalam tindakan semakan semula ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan" dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja. Semakan semula tersebut akan mengambil kira perkembangan semasa dan keputusan terkini Kerajaan Persekutuan termasuklah pelaksanaan tapisan integriti dalam pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan. Pindaan ini juga akan diselaraskan dan dikeluarkan oleh ICU, JPM.

## 2

**Inisiatif 3.1.1 : Memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan**

Pekeliling Perbendaharaan/PK 2.1/Perenggan 10(vii)(a)(9) telah menetapkan mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai kepentingan mengenai sesuatu tender hendaklah mengisytiharkan kepentingan serta menarik diri daripada perbincangan/keputusan tender dan perkara ini hendaklah diminitkan. Pekeliling Perbendaharaan/PK 4.2/Lampiran B Surat Setuju Terima (SST)/Surat Akuan Pembida Berjaya telah memasukkan klausa perakuan untuk tidak menawar atau menerima rasuah kepada mana-mana individu, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender. Pekeliling Perbendaharaan/WP 7.1/ Perenggan 3.1(c)(ii) dan (iii) telah menetapkan Pengerusi dan Pengerusi Ganti Lembaga Perolehan bukanlah lantikan politik dan bukanlah Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan (BBP) berkenaan. Pekeliling Perbendaharaan/WP 7.1/Perenggan 3.9 (b) telah menetapkan sekiranya Pengerusi / Ahli Lembaga Pengarah syarikat/anak syarikat Badan Berkanun Persekutuan tersebut adalah merupakan pihak-pihak yang akan mempertimbangkan dan meluluskan perolehan tersebut, mereka yang terlibat perlu mengisytiharkan kepentingannya dan tidak berada dalam jawatankuasa/lembaga yang akan memutuskan perolehan tersebut bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (***conflict of interest***). Pihak MOF juga dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyediakan Pekeliling dan Garis Panduan Pelaksanaan ***Integrity Pact*** dalam Perolehan Kerajaan yang secara langsung juga akan melihat perkara mengenai konflik kepentingan.

**3**



**Inisiatif 3.1.5 : Memperkenalkan perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambah baik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak**

Kementerian Kewangan (MOF) sedang menggubal suatu perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambah baik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak. Sesi libat urus juga diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan dalam merangka Rang Undang-Undang Perolehan Awam sebelum ia dibentangkan di Parlimen dan dijangka akan dikuatkuasakan pada awal tahun 2021.

**4**



**Inisiatif 3.1.6 : Mewujudkan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan kuasa-kuasa Menteri yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan**

Inisiatif yang dikemukakan telah digariskan dalam peraturan dan tatacara pengurusan melalui Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan sedia ada. Pada masa yang sama, MOF sedang menggubal Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan yang bertujuan untuk mengawal selia aktiviti perolehan Kerajaan secara menyeluruh, memperincikan kuasa-kuasa pihak berkepentingan dan mewujudkan mekanisme semak dan imbang bagi memastikan tadbir urus yang baik.

**5**



**Inisiatif 3.2.1 : Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan**

Kementerian Kewangan (MOF) masih dalam proses merangka mekanisme yang telus bagi merahsiakan maklumat/kedudukan sesuatu tender/projek di dalam mana-mana dokumen/perihal serta memastikan tiada kebocoran maklumat yang berlaku. Perkara ini akan dirangka di bawah Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan sebelum ia dibentangkan di Parlimen dan dijangka akan dikuatkuasakan pada awal tahun 2021.

6

**Inisiatif 3.2.2 : Memperkenalkan klausa standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam semua projek/kontrak yang melibatkan Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Sekiranya berlaku pelanggaran kontrak, maka Kerajaan boleh pada bila-bila masa, menamatkan dan/atau memfailkan kes sivil terhadap pihak dalam kontrak**

Kementerian Kewangan (MOF) mendapati terdapat keperluan untuk menyemak semula pemakaian Surat Setuju Terima (SST) berikutan wujudnya pelanggaran yang serius dalam pentadbiran kontrak yang memberi implikasi perundangan kepada Kerajaan. Justeru, bagi memantapkan urus tadbir perolehan Kerajaan terutamanya yang berkaitan pentadbiran kontrak, MOF dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif menambah baik kandungan dan kaedah pemakaian SST bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. SST adalah suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia/PK 4.2: Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan telah dikeluarkan dan berkuat kuasa pada 1 September 2017. Melalui inisiatif ini juga Jabatan Kerja Raya (JKR) diarah untuk membuat penambahbaikan ke atas perolehan Kerajaan dan mewujudkan klausa standard bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam kontrak piawai PWD203.

7

**Inisiatif 3.2.3 : Memastikan pelantikan kontraktor penyelamat melalui tender terbuka**

Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia/PK 4.5: Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit yang berkuat kuasa pada 29 Jun 2018. Pekeliling ini berkaitan dengan tatacara pengurusan projek sakit dan pelantikan kontraktor penyiap bagi projek sakit dan penetapan kaedah pelantikan kontraktor secara tender terbuka di kalangan kontraktor yang telah diberikan Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). MOF juga memaparkan senarai kontrak penyelamat yang telah dilantik melalui tender terbuka pra-kelayakan dan dipaparkan dalam laman sesawang Kementerian Kerja Raya.

**8**



**Inisiatif 3.2.4 : Memperkenalkan mekanisme untuk mengekang ketirisan dalam dana Kerajaan (dana bantuan) dan geran**

Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan pekeliling PB 1.2 (Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahunan) dan PB 1.3 (Garis Panduan Penyediaan Belanjawan Tahunan) yang berkuat kuasa pada 4 Mei 2020 sebagai panduan kepada semua Kementerian supaya pengurusan/penyediaan dana Kerajaan dibuat berdasarkan keutamaan ***core business*** Kementerian bagi mengelak sebarang pembaziran/ketirisan serta pertindihan fungsi. PB 3.1 iaitu Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan juga telah dikeluarkan supaya Kementerian/ Agensi membuat perbelanjaan Kerajaan dengan lebih berhemat yang menjurus kepada pencapaian ***outcome*** dan mengikut keutamaan sahaja.

**9**



**Inisiatif 3.2.5 : Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati**

Kementerian Kewangan (MOF) masih di dalam tindakan untuk mengemas kini PP/PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan dan menambah baik peraturan perolehan mengenai bantahan ke atas spesifikasi tender yang menjurus kepada sesuatu jenama. MOF juga akan merangka mekanisme aduan lebih berstruktur di bawah Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan.

**10**



**Inisiatif 3.2.8 : Memperkenalkan sistem *eWork* dalam memantau pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai**

Kajian berkaitan sistem ***eWorks*** telah selesai dijalankan pada April 2019. Pembentangan kepada YB Menteri Kerja Raya telah dibuat pada Mei 2019 dan YB Menteri Kewangan pada 20 September 2019. Pembentangan kepada Jemaah Menteri dijadualkan pada awal tahun 2020. Pasukan Khas Sistem ***eWorks*** akan ditubuhkan bagi melaksanakan pembangunan sistem selepas kelulusan Jemaah Menteri diperolehi.

**11**



### Inisiatif 3.2.9 : Meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (e-perolehan) bagi mengurangkan campur tangan manusia

Kementerian Kewangan (MOF) sedang melaksanakan penambahbaikan kepada sistem dan dalam masa yang sama memastikan sistem tersebut tidak terjejas semasa proses penambahbaikan dilaksanakan. Sebanyak 898 *items* dibangunkan bagi penambahbaikan yang telah dirancang dan akan dilaksanakan melalui lapan (8) *releases*. Selain itu, terdapat juga penambahbaikan yang akan melibatkan integrasi dengan sistem lain seperti MyGPIS. Setakat ini, tiga (3) *releases* telah selesai dilaksanakan.

**12**



### Inisiatif 6.1.1 : Memperkenalkan tapisan integriti dalam pemilihan pengurusan tertinggi dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan

Kementerian Kewangan (MOF) bersama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri sedang dalam tindakan untuk menyemak semula Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan" dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja. Semakan semula tersebut akan mengambil kira perkembangan semasa dan keputusan terkini Kerajaan Persekutuan termasuklah pelaksanaan tapisan integriti dalam pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan. Pindaan ini juga akan diselaraskan dan dikeluarkan oleh ICU, JPM.

**13**



### Inisiatif 6.1.2 : Mengenakan pendekatan bersyarat dalam penggunaan dana Kerajaan ke atas semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan

Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan Garis Panduan (GP) Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan juga mengeluarkan Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan WP7.5.

**14**



**Inisiatif 6.1.3 : Mengenakan perisytiharan penuh ke atas semua Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berkaitan perkara berikut:**

**i. Pegangan saham pengurusan kanan sama ada secara langsung dan tidak langsung;**
**ii. Jawatan seseorang ahli lembaga pengarah dan mana-mana jawatan utama di syarikat awam yang lain (disenaraikan atau pun tidak);**
**iii. Ganjaran seseorang pengarah secara terperinci; dan**
**iv. Ganjaran yang diterima oleh pengurusan kanan berdasarkan band.**

Pematuhan kepada Akta Syarikat 2016 dan ***Malaysian Code on Corporate Governance 2017*** telah mewajibkan pengisytiharan penuh bagi perkara-perkara yang disenaraikan oleh semua syarikat sama ada syarikat swasta dan milik Kerajaan seperti berikut:

i. Pecahan pegangan saham syarikat dilaporkan dalam Laporan Kewangan Tahunan Syarikat;
ii. Senarai keanggotaan ALP dalam semua Lembaga Pengarah perlu dikemas kini melalui Setiausaha Syarikat dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara bulanan (Seksyen 221 AS 2016);
iii. Ganjaran dan yuran pengarah perlu diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) (Seksyen 230(1) AS 2016 dan *Practise 7.1* MCCG); dan
iv. Ganjaran yang diterima oleh pengurusan kanan secara band (***Practise 7.1*** MCCG).

**15**



**Inisiatif 6.2.7 : Memperkenalkan peruntukan undang-undang yang menegah sebarang sumbangan kepada ahli politik dan parti politik oleh Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan**

Kementerian Kewangan (MOF) telah mengadakan perbincangan bersama pihak Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), JPM untuk menggabungkan inisiatif berkenaan bersama inisiatif 1.2.5 iaitu untuk memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan sumbangan politik.

# KEMENTERIAN DALAM NEGERI **(KDN)**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas 11 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN KDN MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN DALAM NEGERI **(KDN)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan KDN dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Polis Diraja Malaysia **(PDRM)**
2. Jabatan Penjara Malaysia
3. Jabatan Imigresen Malaysia **(JIM)**
4. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia **(APMM)**
5. Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia **(AADK)**
6. Agensi Kawalan Sempadan Malaysia **(AKSEM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KDN

**1**



**Inisiatif 5.1.1 : Menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan memasukkan elemen teknologi bagi mengurangkan kes kekerasan ke atas tahanan/banduan oleh pegawai penguatkuasa**

Untuk melaksanakan inisiatif ini, lima (5) agensi penguatkuasa telahpun menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) di agensi masing-masing. Dua (2) Prosedur Operasi Standard (SOP) iaitu SOP Layanan Terhadap Banduan/Tahanan/Juvana oleh Jabatan Penjara Malaysia serta Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan telah selesai ditambah baik.

2

## Inisiatif 5.1.2 : Membendung salah laku dalam Jabatan Imigresen Malaysia melalui kawalan dalaman

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui kawalan dalaman bagi membendung gejala salah laku dalam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) seperti:

i. Persijilan ABMS (11 November 2017) dan mewujudkan Polisi Anti Rasuah, Polisi Tolak Hadiah dan Garis Panduan Pengurusan Aduan Di Bawah Akta Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
ii. Menyediakan Kod Etika Dan Tatakelakuan Jabatan Imigresen Malaysia;
iii. Mewujudkan Unit Integriti setiap negeri dan *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) bagi membantu Bahagian Integriti, Ibu Pejabat membuat program integriti seperti aktiviti pengukuhan integriti, aktiviti pematuhan dan naziran integriti dan lain lain; dan
iv. Mewujudkan Jawatankuasa Kecil Antirasuah setiap negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Imigresen negeri selain daripada Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat.

Pelbagai program pengukuhan integriti seperti ceramah integriti juga dilaksanakan secara berkala dan berterusan seperti:

i. Latihan kemahiran seperti latihan dan pendedahan berkenaan teknik siasatan integriti dengan bantuan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Polis Diraja Malaysia;
ii. Penerbitan poster dan ***flyers*** berkenaan integriti seperti Poster Antirasuah, Polisi Penerimaan Hadiah, Poster Pekerjaan Luar yang diedar menggunakan Portal JIM, emel dan aplikasi *WhatsApp* kepada pegawai;
iii. Aktiviti naziran pematuhan kepada arahan semasa Jabatan, naziran ***Anti-Bribery Management System, Mystery Shopping***, Pematuhan Waktu Rehat, Pakaian Seragam dan lain lain; dan
iv. Mengemas kini dan mengeluarkan arahan semasa Jabatan melalui Pekeliling Imigresen, Pekeliling Imigresen Terhad dan Arahan Pentadbiran.

**3**



**Inisiatif 5.1.3 : Menyepadukan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus kawalan sempadan bagi memastikan pengurusan sempadan yang berkesan**

Kementerian ini sedang melaksanakan kajian untuk mewujudkan Penubuhan Badan Tunggal bagi mengawal selia dan mengurus sempadan Malaysia dan Pintu-Pintu Masuk Serta Pelabuhan-Pelabuhan melalui pelantikan perunding yang dilantik oleh pihak KDN. Kajian tersebut juga akan secara langsung melihat isu-isu penguatkuasaan serta kawalan secara berkala di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan dalam merangka strategi dengan kaedah operasi kawalan sempadan yang lebih konkrit dan berkesan.

**4**



**Inisiatif 5.1.4 : Menubuhkan *Royal Commission of Inquiry* (RCI) untuk menyiasat kewujudan kem pemerdagangan manusia dan kubur di Wang Kelian, Perlis**

Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) telah ditubuhkan pada 5 Mac 2019 berkaitan penemuan 147 kubur dan 28 kem pemerdagangan manusia yang ditinggalkan di puncak Bukit Wang Burma di Wang Kelian yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand. RCI itu bertindak mengikut terma rujukan suruhanjaya itu bagi menyiasat kejadian kem penempatan sementara dan kubur tersebut selain menyiasat prosedur semasa dan selepas kejadian yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa. RCI yang diperkenan penubuhannya oleh Yang di-Pertuan Agong pada 29 Januari 2019, antara lainnya telah meneliti semua dokumen dan bukti berkaitan dengan kes penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian dan juga menyiasat sama ada penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap penguatkuasaan selepas kejadian serta mengenal pasti implikasi terhadap negara selepas kejadian. Laporan RCI telah diserahkan kepada Yang di-pertuan Agong pada 6 September 2019 dan juga dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 30-31 Oktober 2019.

5



**Inisiatif 5.2.1 : Membudayakan amalan ketelusan dalam sistem pengurusan pekerja asing negara**

Pemerkasaan proses kerja permohonan penggajian pekerja asing melalui Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre* [OSC]), KDN yang ditubuhkan pada 2005 adalah satu elemen semak dan imbang dalam proses permohonan pekerja asing di mana semua panel daripada Agensi Kawal Selia (AKS) ditempatkan di OSC bagi menjalankan proses temuduga ke atas majikan dan kelulusan dikeluarkan kepada majikan pada hari yang sama. Perkara ini telah ditambah baik melalui pemakluman keputusan kepada majikan selepas temuduga dalam tempoh 30 minit. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sedang meneruskan pelaksanaan permohonan pekerja asing secara atas talian melalui sistem MyEG dan juga Pelaksanaan ***System Maid Online*** (SMO) secara atas talian bagi permohonan Pembantu Rumah Asing untuk majikan yang layak. Walau bagaimanapun, terdapat inisiatif-inisiatif kecil yang masih lagi di dalam tindakan seperti pembaharuan/pemerkasaan proses kerja permohonan penggajian pekerja asing melalui Pusat Kelulusan Setempat, penambahbaikan kepada proses kerja berkaitan elemen semak dan imbang yang melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi dan juga pelaksanaan Lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara secara atas talian (ePLKS).

6



**Inisiatif 5.2.2 : Menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat di semua pusat tahanan**

Depot Imigresen Malaysia sedia ada menggunakan Modul PATI Depot dalam Sistem myIMMs bagi semua urusan berkaitan pendaftaran tahanan, kesihatan, kematian, pengusiran dan lain-lain urusan berkaitan dalam depot. Beberapa perbincangan juga telah diadakan mengenai keperluan teknologi komunikasi dan maklumat di semua Depot Imigresen dan Pusat Tahanan seluruh negara untuk dimasukkan dalam skop pembangunan ***National Integrated Immigration System*** (NIISE). Pemasangan CCTV di lokasi-lokasi tertentu di sempadan depot imigresen, penggunaan sistem biometrik dan sebagainya juga akan dilaksanakan.

**7**

**Inisiatif 5.2.3 : Menambah baik sistem pengurusan pekerja asing berpusat dengan cara memperkemas dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada**

Proses penggajian pekerja asing yang berkaitan dengan sistem permohonan pekerja asing melibatkan dua (2) sistem berasingan iaitu Sistem ePPAX di Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan MyIMMS di Kementerian Dalam Negeri (KDN). KSM telah mengintegrasikan dua (2) sistem berkenaan dengan menyediakan Model ***Multi Tier Levy*** (MTL). Walau bagaimanapun, langkah-langkah penambahbaikan masih lagi dalam tindakan bagi pelaksanaan inisiatif ini:

i. Pembangunan Pengintegrasian Data Majikan dan Pekerja Asing;
ii. Pembangunan Model MTL;
iii. Pindaan Akta Fi; dan
iv. Penyelarasan Bersama MYEG.

**8**

**Inisiatif 5.2.4 : Menggunakan teknologi digital untuk memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara**

Bagi memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara beberapa inisiatif sedang dilaksanakan seperti berikut:

i. Pembangunan sistem komunikasi yang akan dikenali sebagai ***Border Control Digital Mobile Radio Network System*** (AKSEMNet); dan
ii. Beberapa peralatan teknologi termasuk peralatan komputer baru yang akan dinaiktaraf berserta keupayaan mengawasi jaringan (***network***) di seluruh negara.

**9**

**Inisiatif 5.2.5 : Mewujudkan sistem pengkalan data yang bersepadu untuk pendaftaran masuk dan keluar imigran dari Malaysia**

Sistem pengkalan data sedia ada menggunakan sistem-sistem berikut:

i. Sistem MYIMMS;
ii. Sistem ID Fasa 1;
*iii. Advanced Document Reader;* dan
iv. Sistem NERS.

Cadangan mengenai keperluan teknologi komunikasi dan maklumat di semua Depot Imigresen dan Pusat Tahanan seluruh negara telah dimasukkan dalam skop pembangunan ***National Integrated Immigration System*** (NIISE). Langkah penambahbaikan akan dilaksanakan terhadap sistem-sistem sedia ada seperti Sistem MYIMMS, Sistem ID Fasa 1, ***Advanced Document Reader*** dan Sistem NERS.

**10**

**Inisiatif 5.3.2 : Memperkasa Suruhanjaya Pasukan Polis khususnya dalam menguruskan kebajikan, logistik, tenaga kerja dan peruntukan kewangan untuk latihan**

Bagi memperkasakan Polis Diraja Malaysia (PDRM), beberapa inisiatif sedang dilaksanakan terutama sekali bagi mengurus kebajikan, logistik, tenaga kerja dan peruntukan kewangan untuk latihan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

i. Pemerkasaan perjawatan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM; dan
ii. Permohonan Pemasangan CCTV di lokap-lokap PDRM.

**11**



**Inisiatif 5.4.2 : Meminda Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dalam penetapan kuasa menyenarai hitam individu daripada meninggalkan negara dalam keadaan tertentu seperti mana yang ditetapkan oleh undang-undang**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) masih di dalam proses semakan menyeluruh ke atas Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Akta Pasport 1966 (Akta 150). Kajian juga sedang dijalankan untuk menambah baik keupayaan penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia berkaitan hal ehwal Imigresen termasuk penetapan kuasa menyenarai hitam individu daripada meninggalkan negara.

# KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI **(MEA)**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas enam (6) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh dua (2) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN MEA MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI **(MEA)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan MEA dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
3. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**
4. Suruhanjaya Sekuriti **(SC)**
5. Suruhanjaya Syarikat Malaysia **(SSM)**
6. Institut Integriti Malaysia **(IIM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH MEA

**1**

**Inisiatif 6.2.1 : Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia**

Modul Pembangunan OACP telah diwujudkan oleh SPRM dan Institut Integriti Malaysia. Beberapa sesi ditaklimat/dibengkelkan telah dibuat sebagai rujukan/panduan kepada Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta dalam membangunkan OACP masing-masing. Perincian adalah seperti berikut:

i. Di antara bulan Jun hingga Disember 2019, SPRM telah mengadakan sesi taklimat kepada 56 Kementerian / Jabatan / Agensi;
ii. Sementara itu dalam tempoh yang sama, SPRM juga telah mengadakan bengkel pembangunan OACP dengan sembilan (9) Kementerian / Jabatan / Agensi;
iii. Manakala pihak IIM juga telah mengadakan bengkel pembangunan OACP dengan 26 Kementerian / Jabatan / Agensi bagi memberi pendedahan dan panduan pelaksanaan pembangunan OACP.

Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak dua (2) Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia telah membangunkan OACP iaitu Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

**2**

**Inisiatif 6.2.2 : Memperkukuhkan program kesedaran dan keterlibatan antirasuah dengan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) berkomited untuk mengawal selia semua program-program kesedaran dan keterlibatan antirasuah yang dikendalikan oleh Badan Berkanun, SOEs dan CLBG. Antara strategi MEA ialah dengan membina rangkaian kerjasama pintar dan meluas melalui pelbagai jenis program latihan, perundingan dan program kesedaran dengan memperkenalkan beberapa instrumen dan kaedah yang boleh dilaksanakan secara praktikal oleh sesebuah organisasi sebagai langkah mencegah rasuah.

**3**

**Inisiatif 6.2.3 : Memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sedang dalam usaha untuk memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan memandangkan permintaan yang diterima. Sehubungan dengan itu, MEA sedang dalam inisiatif untuk menggalakkan pegawai daripada agensi masing-masing mengikuti program CeIO yang disediakan oleh beberapa agensi termasuk Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. Program CeIO juga merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran jangka panjang bagi mewujudkan nilai-nilai positif pengurusan dan pentadbiran serta secara langsung melaksanakan tugas-tugas pengesanan dan pencegahan isu-isu integriti, governans dan rasuah.

4

**Inisiatif 6.2.4 : *Mencadangkan Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 sebagai syarat ke atas Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta untuk membida kontrak Kerajaan**

*Anti-Bribery Management System* (MS ISO 37001) 2016 telah dibangunkan untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (***stakeholders***) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif antirasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di dalam hal ini mengambil peranan untuk mencadangkan supaya standard ini diterapkan di dalam Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta. Pensijilan ABMS membolehkan sesebuah syarikat yang memilikinya menguruskan risiko kepatuhan, melaksanakan sistem pengurusan yang efektif dalam mencegah, mengesan dan menangani rasuah yang boleh berlaku dalam sesebuah organisasi.

5

**Inisiatif 6.2.5 : Mengeluarkan Arahan Perdana Menteri dalam mentadbir perisytiharan konflik kepentingan dan isu ketelusan dan kecekapan di kalangan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang dalam usaha untuk menyediakan Pekeliling dan Garis Panduan Pelaksanaan ***Integrity Pact*** dalam Perolehan Kerajaan yang secara langsung juga akan melihat perkara mengenai konflik kepentingan. Pekeliling Perbendaharaan/ WP 7.1/Perenggan 3.9 (b) telah menetapkan sekiranya Pengerusi/ Ahli Lembaga Pengarah syarikat/anak syarikat Badan Berkanun Persekutuan tersebut adalah merupakan pihak-pihak yang akan mempertimbangkan dan meluluskan perolehan tersebut, mereka yang terlibat perlu mengisytiharkan kepentingannya dan tidak berada dalam jawatankuasa/lembaga yang akan memutuskan perolehan tersebut bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*).

6

**Inisiatif 6.2.6 : Mewujudkan mekanisme perisytiharan penuh maklumat anak syarikat dan syarikat bukan disatukan dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan**

Seksyen 252 Akta Syarikat 2016 memperuntukkan bahawa pengarah syarikat hendaklah menyediakan Laporan Pengarah yang perlu difailkan bersama Penyata Kewangan Tahunan syarikat dengan SSM.

Syarikat juga perlu menzahirkan (*disclose*) anak syarikat di dalam penyata kewangan yang disatukan berdasarkan Seksyen 250 Akta Syarikat 2016. Mengikut Jadual Kelima di bawah Seksyen 253 Akta Syarikat 2016, Laporan Pengarah tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas dalam Penyata Kewangan syarikat atau Penyata Kewangan yang disatukan bagi syarikat dan subsidiarinya (*consolidated accounts*) iaitu nama, tempat diperbadankan, aktiviti utama dan peratus modal syer diterbitkan yang dipegang oleh syarikat tersebut di dalam setiap subsidiari; dan Syarikat akan memfailkan Penyata Kewangan dan Laporan Pengarah dengan SSM melalui sistem atas talian (*online*) yang dikenali sebagai *Malaysian Business Reporting System* (MBRS).

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA **(KPM)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas lapan (8) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN KPM MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA **(KPM)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan KPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
2. Institut Integriti Malaysia **(IIM)**
3. Kementerian Belia dan Sukan **(KBS)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KPM

**1**

**Inisiatif 2.4.1 : Mengkaji semula bagi memantapkan kurikulum bagi pendidikan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah**

Melaksanakan kajian dalam menambah baik kurikulum Kursus Asas Kepimpinan Dan Pembangunan Profesional Bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru Malaysia sedia ada bagi guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi menerapkan elemen integriti, tadbir urus insan dan antirasuah.

**2**

**Inisiatif 2.4.2 : Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah di institut pengajian tinggi**

1. Elemen Integriti dan Tadbir Urus Insan (***Human Governance***) Dalam Program Induksi Pensyarah Baru. Modul Program Tranformasi Minda (PTM) telah dikenal pasti sebagai program yang perlu dijalani oleh setiap pensyarah baru. KPM akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai penggubal modul Program Tranformasi Minda (PTM) bagi memasukkan elemen Tadbir Urus Insan (***Human Governance***);
2. Pemurnian Kurikulum dan Kandungan Kursus Instruktional dan Pembangunan Andragogi (KIPA) kepada pensyarah muda Politeknik dan Kolej Komuniti dengan memasukkan elemen ***Human Governance*** dan kemenjadian insan dalam topik-topik yang bersesuaian dan berkaitan;

3. Program Kepimpinan Instruktional dan Pembangunan Andragogi (KIPA) kepada pensyarah muda Politeknik dan Kolej Komuniti;
4. Program Penyegaran Pemahaman Kemenjadian Insan kepada semua pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti sedia ada;
5. Taklimat dan hebahan berkenaan Perundangan, Integriti dan Tatatertib Berdasarkan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj [Akta 605]); dan
6. Pendedahan elemen Tadbir Urus Insan (***Human Governance***) dalam slot ceramah dalam Hari Bersama Pelanggan untuk *stakeholders* Institut Pengajian Tinggi Swasta. Penglibatan Pihak SPRM juga bersama Hari Bersama Pelanggan Untuk *Stakeholders* Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi mendedahkan dan mewujudkan kesedaran terhadap elemen-elemen integriti kepada pihak IPTS.

**3**

**Inisiatif 2.4.3 : Memperkukuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan dengan memasukkan elemen tadbir urus insan**

Bagi melaksanakan inisiatif tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menggubal Modul Standard Tadbir Urus yang akan menerapkan aspek elemen integriti, tadbir urus insan dan antirasuah. Modul yang ditambah baik ini akan diguna pakai kepada kesemua golongan warga pendidik dan pentadbir KPM.

**4**

**Inisiatif 2.4.4 : Memperkukuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan**

Bagi melaksanakan inisiatif tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menggubal Modul Standard Tadbir Urus yang akan menerapkan aspek elemen integriti, tadbir urus insan dan antirasuah. Modul yang ditambah baik ini akan diguna pakai kepada kesemua golongan warga pendidik dan pentadbir di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

5

**Inisiatif 2.4.5 : Memberi penekanan yang lebih terhadap kepentingan nilai murni insan dalam silibus pendidikan pra-sekolah**

Nilai-nilai murni insan akan disisipkan melalui semua mata pelajaran dan ia diperkukuhkan pula melalui kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya pra-sekolah yang positif. Ringkasnya kedua-dua bentuk kurikulum, formal dan tidak formal, di dalam silibus pendidikan pra-sekolah akan digunakan sepenuhnya dan secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan.

6

**Inisiatif 2.4.6 : Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh**

Matlamat ini diperkukuhkan melalui penubuhan Jawatankuasa ***Human Governance*** di peringkat pengurusan sekolah rendah. Di bawah ***Human Governance***, pelbagai latihan asas dan pengukuhan yang berterusan akan diberikan tumpuan serta perlu dihadiri oleh guru yang sedang berkhidmat. Objektif ***Human Governance*** akan tercapai melalui penerapan elemen ***Human Governance*** dalam mata pelajaran Sivik, Bahasa Melayu, Pendidikan Moral, Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) dan aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan serta dapat diperluaskan melalui pelaksanaan ***Speaker's Corner*** di peringkat sekolah rendah melalui tema ***Human Governance***.

7

**Inisiatif 2.4.7 : Memperkenalkan kursus matapelajaran wajib universiti pada peringkat ijazah pertama yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran**

Pengenalan dan Pelaksanaan Kursus baharu akan diperkenalkan agar pelajar dapat menghayati konsep etika yang meliputi aspek rasuah dan integriti. Dua (2) kursus baru yang diperkenalkan ialah Penghayatan Etika Dan Peradaban serta Kursus Falsafah Dan Isu Semasa. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan Kursus Integriti Dan Rasuah Mengikut Modul SPRM. Elemen integriti dan etika juga akan diperkenalkan sebagai salah satu sub topik di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di semua Institut Pendidikan Tinggi.

**8**



**Inisiatif 2.4.11 : Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah menengah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh**

Matlamat ini diperkukuhkan melalui penubuhan Jawatankuasa ***Human Governance*** di peringkat pengurusan sekolah menengah. Di bawah ***Human Governance***, pelbagai latihan asas dan pengukuhan yang berterusan akan diberikan tumpuan serta perlu dihadiri oleh guru yang sedang berkhidmat. Objektif ***Human Governance*** akan tercapai melalui penerapan elemen ***Human Governance*** dalam mata pelajaran Sivik, Bahasa Melayu, Pendidikan Moral, Program ***Malaysia Future Leaders School*** (MFLS) dan aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan serta dapat diperluaskan melalui pelaksanaan ***Speaker's Corner*** di peringkat sekolah menengah melalui tema ***Human Governance***.

# KEMENTERIAN KERJA RAYA **(KKR)**

Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh dua (2) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN KKR MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN KERJA RAYA **(KKR)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan KKR dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
3. Lembaga Jurutera Malaysia **(LJM)**
4. Lembaga Arkitek Malaysia **(LAM)**
5. Lembaga Juruukur Bahan Malaysia **(LJBM)**
6. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia **(LJT M**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KKR

**1**



**Inisiatif 3.2.7 : Meminda kaedah dan peraturan dalam memantau sebarang salah laku oleh kontraktor dan perunding projek (Jurutera Perunding)**

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) sedang dalam usaha untuk mendapatkan pertimbangan Kerajaan bagi maksud:

i. Penyerahan peranan mengawal selia prestasi perunding kejuruteraan oleh Kementerian Kewangan (MOF) kepada LJM; dan
ii. Cadangan membangun dan melaksanakan Sistem *Consultant Performance Evaluation* (CPE-BEM) untuk memantau prestasi perunding bagi projek-projek kerajaan.

Pihak KKR juga sedang dalam usaha untuk menjalankan kajian yang terperinci terhadap implikasi undang-undang yang akan dihadapi oleh badan berkenaan sekiranya kedua-dua pertimbangan tersebut diguna pakai. Pihak KKR akan mendapatkan ulasan tersebut dari segi pelaksanaan cadangan penambahbaikan daripada Jabatan Peguam Negara.

# KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA **(KKMM)**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif selama lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN KKMM MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA **(KKMM)**

Agensi-agensi peneraju lain yang bekerjasama dengan KKMM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
2. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang **(BHEUU)**
3. Institut Integriti Malaysia (IIM)
4. Jabatan Penyiaran Malaysia **(RTM)**
5. Jabatan Penerangan Malaysia **(JaPen)**
6. Pertubuhan Berita Nasional Malaysia **(BERNAMA)**
7. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia **(FINAS)**
8. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia **(SKMM)**
9. *Measat Broadcast Network Systems* **(ASTRO)**
10. *Al Hijrah Media Cooperation* **(TV Alhijrah)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KKMM

**1**

**Inisiatif 1.2.8 : Memperkenalkan rang undang-undang baharu berhubung Kebebasan Maklumat**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sedang dalam usaha untuk menggubal satu Rang Undang-undang berhubung Kebebasan Maklumat. Penetapan parameter dan polisi cadangan gubalan Akta ini akan mengambil kira pandangan Jabatan/Agensi mengenai *Open Data Charter* (ODC) dan juga kebolehlaksanaan Akta ini berbanding undang-undang sedia ada seperti Akta Rahsia Rasmi 1972. Sepanjang tahun 2019, beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan berkaitan cadangan gubalan Akta Kebebasan Maklumat sebagaimana berikut:

i. Empat (4) siri mesyuarat bersama Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan Pulau Pinang, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan MAMPU bersama Pejabat Penasihat Undang-Undang, JPM;

ii. Seminar ***The National Stakeholders Consultation on the Right to Information Legislation*** anjuran bersama ***Centre of Independence Journalism*** (CIJ) dan BHEUU pada 27 hingga 28 November 2019; dan
iii. Sesi perkongsian pengalaman bersama ***The Right of Information Commissioner of Sri Lanka*** pada 29 November 2019.

2

**Inisiatif 2.4.9 : Menyebarluas mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa menyebarluas mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan. Sebanyak 95 buah program/aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dalam bentuk program seperti berikut:

i. Program Bual Bicara TV;
ii. Program Bual Bicara Radio;
iii. Pesanan Khidmat Awam TV & Radio;
iv. Siaran Rerayap (***Crawler***);
v. Paparan Elektronik (Prasarana);
vi. Paparan ***Billboard***;
vii. Edaran Bahan Cetakan (Risalah/Buku Kecil/Poster);
viii. Liputan Media;
ix. Media Sosial (E-mel/ ***Facebook***/***Instagram***/***Twitter***); dan
x. Berita ***Online*** - Bernama.com

# KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN **(KBS)**

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN KBS MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN **(KBS)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan KBS dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Jabatan Belia dan Sukan Negara
2. Jabatan Belia dan Sukan Negeri
3. Majlis Sukan Negara **(MSN)**
4. Majlis Belia Malaysia **(MBM)**
5. Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran
6. Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia **(IYRES)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KBS

**1**

**Inisiatif 2.4.12 : Mendekati golongan belia yang berada di luar sistem pendidikan formal (remaja tercicir) melalui kelab, persatuan dan organisasi belia untuk menerapkan nilai integriti, tadbir urus dan antirasuah**

Untuk pelaksanaan inisiatif ini, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai program berterusan seperti Program *Youth Career* (Y-Career), Program Keusahawanan Belia Bestari (B-Best) dan Projek Reben Kuning yang mana program-program ini dirancang untuk pelaksanaan secara tahunan. Program Y *Youth Career* (Y-Career) merupakan program jangka masa pendek selama dua minggu. Golongan sasaran adalah kumpulan belia B40 di bandar dan luar bandar (18-30 tahun). Program ini membantu belia miskin terutama dari luar bandar mengikuti latihan kemahiran khusus berdasarkan keperluan operasi majikan sebelum diserapkan dalam pasaran pekerjaan selepas tamat latihan. Kursus-kursus yang diadakan dilihat mengikut arus perkembangan tarikan terkini seperti "*Barber Shop*", "*Party Decoration*", "*Sports Massage*" , "Bekam" dan lain-lain lagi.

Program Keusahawan Belia Bestari (B-BEST) pula adalah penjenamaan semula bagi Program 3K Belia Bestari. Program usahasama dengan beberapa agensi dan persatuan belia ini mensasarkan seramai 581 peserta yang menepati kriteria pemilihan. Program ini juga memberi pendedahan dan latihan dalam industri terpilih dan seterusnya menyediakan peserta yang berkemahiran dalam pasaran. Elemen modul anti-rasuah dan

integriti akan dimasukkan dalam modul program-program sedia ada supaya kesedaran berkaitan gejala rasuah dan isu semasa sentiasa didedahkan kepada peserta-peserta program.

Projek Reben Kuning telah dilancarkan oleh YB. Menteri Belia dan Sukan pada 19 Oktober 2018 bertempat di Penjara Sungai Buloh, Selangor. Pelaksanaan projek ini telah digerakkan secara bersama antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia, Pertubuhan-Pertubuhan Belia, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta badan-badan korporat yang berkaitan. Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang kedua melalui kemahiran, sukan, keusahawanan dan kebolehpasaran kepada belia bekas banduan dan bekas tahanan agar mereka memperoleh kehidupan yang lebih baik seterusnya memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Jangka masa program adalah selama setahun. Program ini digerakkan oleh lima (5) kluster yang diwakili oleh agensi/ pertubuhan iaitu kluster keusahawanan, kebolehpasaran, sukan, kemahiran dan kempen kesedaran.

# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN **(MED)**

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN MED MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN **(MED)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan MED dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
2. SME Corp.
3. Tekun Nasional
4. Institut Keusahawanan Negara **(INSKEN)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH MED

**1**

**Inisiatif 2.4.8 : Memberi penekanan kepada aspek integriti dan antirasuah dalam program keusahawanan**

Slot pengenalan kepada Akta SPRM 2009 dan Kesedaran Bahaya Gejala Rasuah kepada masyarakat diterapkan dalam silibus Kursus Asas Keusahawanan (KAK) yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan kerjasama INSKEN/MEDAC. Seminar Asas Keusahawanan (SAK) yang dianjurkan memberi penekanan kepada aspek integriti dan antirasuah kepada usahawan TEKUN Nasional di seluruh negara. SME Corp Malaysia juga memastikan syarikat PKS yang menerima geran bantuan kewangan bagi Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP) menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan sebelum menuntut sebarang bayaran. SME Corp akan meneliti keperluan untuk menghadiri kursus berkaitan integriti dan antirasuah kepada semua penerima geran bagi memastikan elemen ini sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap urusan. INSKEN telah berjaya menghasilkan video integriti khusus untuk ditayangkan dalam program/ kursus yang melibatkan usahawan. Salinan video ini telah diedarkan kepada semua kementerian dan agensi untuk manfaat bersama.

# KEMENTERIAN LUAR NEGERI **(KLN)**

Kementerian Luar Negeri (KLN) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh dua (2) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN KLN MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# KEMENTERIAN LUAR NEGERI **(KLN)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan KLN dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **(SPA)**
4. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
5. Istana Negara

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KLN

**1**



**Inisiatif 2.2.6 : Memperkenalkan dasar penempatan daripada kalangan pegawai berjawatan diplomatik sahaja dan bukan ahli politik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara (Duta/ Pesuruhjaya Tinggi/Konsulat Malaysia)**

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), pencalonan nama Ketua Perwakilan Malaysia yang baharu adalah daripada kalangan pegawai berkarier diplomatik (*career diplomat*), berdasarkan kelayakan dan pengalaman pegawai-pegawai tersebut. Secara lazimnya, proses pelantikan dilaksanakan dengan mengemukakan cadangan nama calon bagi pertimbangan Menteri Luar Negeri dan Perdana Menteri. Setelah dipertimbangkan, senarai nama calon tersebut akan dimajukan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tapisan keutuhan. Setelah itu, cadangan nama Ketua Perwakilan Malaysia yang baharu akan dihantar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan sebelum pelantikan rasmi dilaksanakan. Surat watikah pentauliahan kemudiannya diserahkan setelah mendapat kelulusan dari negara tuan rumah.

2

**Inisiatif 2.2.8 : Mewajibkan Pegawai Atase yang ditempatkan di Perwakilan Malaysia di luar negara untuk bertanggungjawab kepada Ketua Perwakilan di luar negara (Duta/Pesuruhjaya Tinggi/Konsulat Malaysia)**

Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menangguhkan dasar rasionalisasi melalui Surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 15 April 2020, pelaksanaan inisiatif 2.2.8 boleh diteruskan dengan memperkukuh Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2018 – Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPA2/2018). Susulan itu, semua penjawat awam yang berkhidmat ke luar negeri yang diselia oleh Ketua Perwakilan dikehendaki menjalankan fungsi dan tanggungjawab seperti termaktub dalam SPA 2/2018. Sehubungan ini, peringatan mengenai patuhan rantaian perintah (*chain of command*) dalam pengurusan operasi di Perwakilan telah dihantar kepada semua Ketua Perwakilan bagi menarik perhatian semua *Home-Based Staff* (HBS) di Perwakilan dan Pejabat Wakil Agensi Kerajaan Malaysia di luar negeri untuk mematuhi rantaian dalam mengendalikan urusan operasi masing-masing sebagaimana yang ditetapkan dalam SPA 2/2018. Dari segi pelaporan khususnya, isu-isu sensitif yang diklasifikasi sebagai maklumat terperingkat perlu dihalusi dengan mengenalpasti "*baseline*" bagi menjelaskan jenis dan had pelaporan kepada Ketua Perwakilan dan bukan semata-mata atas dasar "*need to know basis*", yang hanya bergantung kepada budi bicara pegawai dari agensi terlibat. Hal ini kerana Ketua Perwakilan perlu maklum semua perkara yang melibatkan aspek hubungan dua hala dan isu-isu berbangkit dengan negara tuan rumah serta negara di bawah tauliahan beliau.

# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN **(KPKT)**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas tiga (3) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari dua (2) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



1 — 2 Tahun Inisiatif

2 — 5 Tahun Inisiatif

## PERATUS PENCAPAIAN KPKT MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




**Tempoh 2 Tahun**
(Jan 2019 – Dis 2020)

**1 Inisiatif**




**Tempoh 5 Tahun**
(Jan 2019 – Dis 2023)

**2 Inisiatif**

# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN **(KPKT)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan KPKT dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kerajaan Negeri
2. Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH KPKT

**1**

**Inisiatif 2.3.1 : Mengawal selia kuasa ahli politik dan Individu Berpengaruh termasuk mengehadkan pengaruh, campur tangan dan kawalan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan**

Pada masa ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa melaksanakan Kursus Kepimpinan bagi Datuk Bandar/Yang di-Pertua/Ahli Majlis secara berkala bagi memastikan tadbir urus berkualiti di setiap agensi Pihak Berkuasa Tempatan. Kursus tersebut secara langsung menerapkan perkara-perkara mengenai campur tangan atau kawalan mana-mana pihak di dalam perjalanan fungsi agensi Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak KPKT juga di dalam tindakan untuk memasukkan perkara mengehadkan pengaruh, campur tangan dan kawalan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebagai suatu peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan yang baru.

2

**Inisiatif 2.3.2 : Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT)**

Bengkel Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT) Bil. 1/2019 dan Bengkel SPPBT Bil. 2/2019 telah diadakan bagi memperincikan elemen perundangan, mekanisme pelaksanaan SPPBT dan faedah saraan. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengemukakan pandangan undang-undang dan cadangan kepada Jabatan Peguam Negara berhubung cadangan penubuhan SPPBT untuk pertimbangan dengan meminda dua (2) seksyen di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

3

**Inisiatif 2.3.3 : Memperkenalkan skim pusingan kerja untuk pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan yang memegang sesuatu jawatan untuk suatu tempoh masa**

Cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan akan memastikan pusingan kerja dijalankan bagi semua anggota PBT selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2004: Panduan Pertukaran Pegawai Awam daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Pusingan kerja (***job rotation***) ini dapat membantu memperkaya dan memperluaskan tugas (***job enrichment and job enlargement***) kepada semua anggota PBT di samping meningkatkan integriti di dalam tadbir urus PBT.

# PARLIMEN MALAYSIA

Parlimen Malaysia sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas tujuh (7) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari dua (1) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN PARLIMEN MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# PARLIMEN MALAYSIA

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan Parlimen dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **(SPA)**
4. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
5. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH PARLIMEN

**1**



**Inisiatif 1.4.1 : Menguatkuasakan kuasa Parlimen untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan menghendaki Menteri, Penjawat Awam dan Orang Awam:**

**a. untuk hadir ke hadapan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan; dan**
**b. memberi maklumat.**

Tiada perbuatan dan tidak pernah berlaku pelanggaran untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen oleh Menteri, Penjawat Awam dan Orang Awam yang dipanggil hadir atau untuk memberi maklumat sehingga hari ini. Walau bagaimanapun Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 telah merangkumi aspek dan mempunyai peruntukan sedia ada untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan menghendaki Menteri, Penjawat Awam dan Orang Awam untuk hadir ke hadapan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan memberi maklumat.

2



**Inisiatif 1.4.2 : Memperkenalkan Kod Tata Kelakuan Ahli Parlimen untuk dikuatkuasakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen untuk mengarahkan Menteri, menghendaki untuk hadir ke hadapan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan memberi maklumat**

Ahli-ahli Parlimen sedia ada tertakluk dan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (***Standing Orders of the Dewan Rakyat***) di bawah perkara 80(3) dan 80A. Ketidakpatuhan terhadap Peraturan Mesyuarat ini akan menyebabkan seseorang Ahli Dewan Rakyat dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Sehubungan dengan itu, Kod Tata Kelakuan Ahli Parlimen tidak diperlukan kerana perkara-perkara mengenai etika dan tata kelakuan telah termaktub di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa ini juga mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya serta membincangkan perkara yang menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Majlis.

3



**Inisiatif 1.4.5 : Menghendaki Yang di-Pertua Dewan Rakyat meletak jawatan daripada mana-mana jawatan yang dipegang dalam parti politik apabila dipilih sebagai Yang di-Pertua; untuk melantik salah seorang Timbalan Speaker Dewan Rakyat daripada kalangan ahli Parti Pembangkang**

Pemilihan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah melalui usul yang dibawa oleh Perdana Menteri atau mana-mana Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang akan diputuskan di dalam Dewan Rakyat melalui proses pengundian sekiranya terdapat lebih 2 pencalonan. Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh dipilih di kalangan ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun bukan dari kalangan ahli-ahli Dewan Rakyat yang mempunyai kelayakan untuk dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Bagi pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (TYPDR) pula, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah bersetuju melantik dua (2) orang Timbalan Yang di-Pertua di kalangan parti pemerintahan Kerajaan pada 16 Julai 2018. Hanya dua (2) orang dipilih sebagai Timbalan daripada tiga (3) orang calon (dua (2) wakil parti pemerintahan Kerajaan dan satu (1) wakil dari parti pembangkang). Mengikut Perlembagaan Persekutuan 57(1) "Dewan Rakyat hendaklah dari semasa ke semasa memilih dua (2) orang Timbalan Yang di-Pertua daripada kalangan ahli

Dewan Rakyat." Usul pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pula adalah dibawa oleh Perdana Menteri dan Ketua Pembangkang. Pemilihan TYPDR juga akan diputuskan di dalam Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, melalui keputusan pemilihan TYPDR sekarang, kedua-dua TYPDR adalah terdiri daripada parti pemerintahan Kerajaan tetapi dari dua (2) parti komponen yang berbeza iaitu seorang dari *Democratic Action Party* (DAP) dan seorang dari Parti Keadilan Rakyat (PKR). Namun kajian terperinci akan dibuat sekiranya sebarang pindaan dilakukan kepada Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4 dan 6 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (*Standing Orders of the Dewan Rakyat*).

**4**

**Inisiatif 1.4.7 : Menubuhkan fungsi latihan di Parlimen Malaysia untuk melatih Ahli Parlimen**

Fungsi latihan bagi Ahli-ahli Parlimen dikendalikan oleh Pejabat Yang di-Pertua Dewan (*Speaker*) di mana Ahli-Ahli Parlimen sentiasa didedahkan kepada program seperti taklimat, seminar dan *Speaker's Lecture Series.* Ahli-ahli Parlimen turut mendapat latihan menerusi penglibatan dalam persidangan, seminar dan program yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkaitan di dalam dan di luar negara. Selain daripada itu, setiap kali selepas pilihanraya taklimat akan diberikan kepada Ahli Parlimen.

**5**

**Inisiatif 1.4.8 : Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berhubung perbelanjaan untuk meneliti dasar kewangan Kerajaan mengenai sumber pendapatan dan perbelanjaan**

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet telah diluluskan melalui Majlis Dewan Rakyat pada 16 Ogos 2018. Jawatankuasa berkenaan dianggotai oleh Datuk Seri Mustapa Mohamed (PH PPBM-Jeli) sebagai Pengerusi, Nik Nazmi Nik Ahmad (PH PKR-Setiawangsa), Datin Paduka Dr Tan Yee Kew (PH PKR-Wangsa Maju), Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH DAP-Bandar Kuching), Khoo Poay Tiong (PH DAP-Kota Melaka), Khairy Jamaluddin (BN UMNO-Rembau) dan Datuk Alexander Nanta Linggi (GPS PBB-Kapit). Tempoh pelantikan jawatankuasa ini adalah selama dua (2) tahun/ dua (2) penggal. Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet akan turut dihadiri pegawai kementerian dan jabatan yang bertindak sebagai wakil tetap (***ex-officio***) daripada Kementerian Kewangan (Pejabat Belanjawan Negara, Bahagian Cukai serta Bahagian Fiskal dan Ekonomi), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan

Peguam Negara dan Jabatan Akauntan Negara. Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk meneliti dan membincangkan apa-apa perkara yang berbangkit daripada Rang Undang-Undang Perbekalan sebelum ianya dibentangkan dan dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat. Ini bagi maksud sesuatu hal kewangan dan peruntukan dalam Rang Undang-Undang Perbekalan tersebut dapat diperhalusi dan dikaji terlebih dahulu bagi mengenal pasti isu penting yang hendak diketengahkan di dalam Majlis Mesyuarat. Dengan wujudnya Jawatankuasa ini, masa dapat dijimatkan dan perbahasan di dalam Dewan akan lebih berkualiti.

**6**



**Inisiatif 1.4.9 : Memperkasa bidang kuasa Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dengan kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan daripada Kerajaan**

Mencadangkan supaya satu (1) dasar digubal untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen dengan kuasa diberikan oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 5(f) Akta Audit 1957 dalam mengarahkan Jabatan Audit Negara untuk menjalankan pengauditan Khas/Khusus kepada mana-mana entiti yang menerima geran/peruntukan kewangan daripada Kerajaan walaupun entiti berkenaan tidak diwartakan di bawah Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017.

**7**



**Inisiatif 1.4.11 : Menguatkuasakan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963**

Draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Parlimen Malaysia masih di dalam tindakan pihak Parlimen Malaysia bersama Jabatan Peguam Negara. Rang undang-undang ini mengambil kira supaya aspek kewangan dan perjawatan Parlimen dapat diurus sendiri secara bebas kerana Parlimen mengetahui kepentingan (perbelanjaan) yang diperlukan. Sekiranya akta ini diperkenalkan semula, ia memberi asas kepada pengasingan kuasa yang baik seperti yang pernah diamalkan dahulu.

# SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA **(SPRM)**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas 11 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN SPRM MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA **(SPRM)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan SPRM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**
3. Suruhanjaya Syarikat Malaysia **(SSM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH SPRM

**1**



**Inisiatif 1.2.1 : Memperkenalkan sistem perisytiharan harta Anggota Pentadbiran**

Portal Perisytiharan Harta telah dibangunkan oleh SPRM untuk membolehkan perisytiharan harta dipaparkan kepada masyarakat berdasarkan kepada keputusan Kerajaan untuk membuktikan ketelusan kepimpinan Kerajaan. Portal Perisytiharan Harta telah mula dibangunkan pada 15 Oktober 2018 dan mula digunakan pada 1 November 2018. Portal ini boleh dicapai di alamat https://mydeclaration.sprm.gov.my. Portal berkenaan memaparkan senarai nama serta jumlah keseluruhan pemilikan harta oleh anggota pentadbiran dan ahli Parlimen yang telah membuat perisytiharan harta. Perisytiharan harta tersebut dibuat secara akuan bersumpah di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 melalui Borang PH1/2018 dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Arahan berkaitan perisytiharan harta ini seperti mana terkandung dalam Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

a. Sehingga 31 Disember 2019 seramai 100% Anggota Pentadbiran (85 orang) telah mengisytihar harta.

b. Sehingga 31 Disember 2019 seramai 67.56% Ahli Dewan Rakyat (150 orang daripada 222 orang). Manakala 32.43% Ahli Dewan Rakyat masih belum membuat perisytiharan harta. Pecahan terperinci adalah seperti berikut:
   - Ahli Dewan Rakyat Kerajaan (135 - Isytihar, empat (4) belum isytihar),
   - Ahli Dewan Rakyat selain Kerajaan (15 - Isytihar, 68 belum isytihar)

c. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 53.20% Ahli Dewan Negara (33 orang daripada orang) dan 46.80%, 29 Ahli Dewan Negara masih belum membuat perisytiharan harta.

**2**



**Inisiatif 1.2.2 : Menambah baik dasar dan mekanisme berkaitan penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Rasuah (JKKMAR) pada 13 Ogos 2018 memutuskan bahawa satu dasar mengenai pemberian hadiah dan derma kepada anggota pentadbiran awam (melibatkan menteri sehingga setiausaha-setiausaha politik) akan digubal. Mengikut dasar terdahulu, hanya penjawat awam sahaja diwajibkan untuk melapor penerimaan dan pemberian hadiah seperti mana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998. Sehubungan dengan keputusan kerajaan tersebut, Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen sedia ada telah dipinda supaya Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen juga wajib melaporkan penerimaan hadiah, keraian dan upahan. Laporan tersebut perlu disalinkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Berdasarkan garis panduan tersebut, Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen hanya boleh mengambil atau menyimpan hadiah, keraian dan upahan melebihi RM5,000 atau satu per empat (¼) daripada emolumen dengan kebenaran secara bertulis YAB Perdana Menteri dan kebenaran tersebut disalinkan kepada SPRM. Sehingga 31 Disember 2019 tiga (3) salinan pelaporan perisytiharan mengenai penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran telah disalinkan kepada SPRM.

3

**Inisiatif 1.2.9 : Memperkenalkan perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta dan kepentingan oleh Ahli Parlimen**

Selaras dengan hasrat kerajaan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan, semua anggota pentadbiran dan ahli parlimen hendaklah mengisytiharkan pemilikan harta mereka serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka setiap dua (2) tahun sekali. Perisytiharan harta, perolehan harta tambahan dan pelupusan harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka hendaklah disalinkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4

**Inisiatif 2.1.5 : Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga (3) agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia**

Modul Pembangunan OACP telah diwujudkan oleh SPRM. Beberapa sesi ditaklimat/dibengkelkan telah dibuat sebagai rujukan/panduan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi dalam membangunkan OACP masing-masing. Perincian adalah seperti berikut:

i. Di antara bulan Jun hingga Disember 2019, SPRM telah mengadakan sesi taklimat kepada 56 Kementerian/Jabatan/Agensi;
ii. Sementara itu dalam tempoh yang sama, SPRM juga telah mengadakan bengkel pembangunan OACP dengan 9 Kementerian/Jabatan/Agensi; dan
iii. Manakala pihak IIM juga telah mengadakan bengkel pembangunan OACP dengan 26 Kementerian/Jabatan/Agensi bagi memberi pendedahan dan panduan pelaksanaan pembangunan OACP.

Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak tiga (3) agensi sektor awam telah membangunkan OACP iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

**5**



**Inisiatif 2.4.10 : Menyebarluas mesej berkenaan antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui penglibatan pelbagai agensi agama dan badan bukan Kerajaan NGOs secara berterusan**

SPRM telah melaksanakan pelbagai aktiviti/program melalui penglibatan institusi agama/badan bukan kerajaan (NGOs) dalam menyebarluas mesej antirasuah dalam usaha untuk mengukuhkan sokongan masyarakat terhadap inisiatif/aktiviti/program pencegahan rasuah. Sehingga 31 November 2019, sebanyak 75 aktiviti/114 program telah dilaksanakan oleh SPRM melalui program-program pendidikan masyarakat bersama institusi agama dan NGOs seperti Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Kunjungan Hormat/Lawatan, Seminar Pencegahan Rasuah/Pengukuhan Pegawai Integriti, Program Semarak Khidmat Masyarakat, Bacaan Khutbah Jumaat, Pameran/*Walkabout*, Jalinan Ukhwah dan Semarak Kasih/Jalinan Mesra di rumah-rumah ibadat.

**6**



**Inisiatif 2.4.14 : Memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan kepada Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan pihak swasta**

Pelbagai aktiviti/program Pencegahan Rasuah melalui sesi libat urus bersama Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan pihak swasta dilaksanakan. Sehingga 31 November 2019, sebanyak 94 aktiviti/156 program melalui sesi libat urus bersama Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan pihak swasta dilaksanakan. Di bawah inisiatif ini juga, pihak CIDB telah mengambil inisiatif membangunkan modul 'Rasuah dalam Sektor Pembinaan' yang dilaksanakan melalui Kursus Integriti untuk semua kontraktor di bawah seliaannya.

7



### Inisiatif 3.1.3 : Memperkukuhkan *Integrity Pact* sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa

Pihak SPRM sedang dalam tindakan membuat kajian komprehensif mengkaji dan melihat kepada kes-kes dan model yang bersesuaian serta mengambil kira beberapa kes-kes serta model-model yang besesuaian mengikut paiwaian antarabangsa:

i. Membuat kajian ***benchmark Integrity Pact*** yang dilaksanakan oleh MRT bagi projek MRT Fasa II.
ii. Merujuk kepada dapatan yang dilaksanakan di MRT, pelaksanaan pengesahan Pesuruhjaya Sumpah bagi setiap borang IP yang ditandatangani oleh pihak kontraktor.
iii. Pihak SPRM juga dimaklumkan bahawa tiada sebarang isu berkaitan ketidakpatuhan terhadap elemen-elemen di dalam IP sepanjang projek MRT dilaksanakan oleh semua pemegang taruh yang terlibat.
iv. Libat urus akan dilaksanakan bersama pihak ***Transparency International*** (TI) dan juga dalam proses penyediaan kertas cadangan untuk pelaksanaan lawatan *benchmark* ke beberapa negara yang dipersetujui oleh pengurusan tertinggi SPRM.

8



### Inisiatif 3.2.6 : Memperkenalkan mekanisme semak dan imbang dalam urusan perolehan dengan penglibatan pegawai daripada Unit Integriti dan Unit Audit Dalam

Bagi memastikan urusan perolehan dilaksanakan dengan lebih telus dan berintegriti serta mengurangkan risiko rasuah/salah guna kuasa/ketirisan dana awam, Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih mengkaji isu-isu perolehan sedia ada, manakala pegawai-pegawai daripada Unit Integriti di semua agensi kerajaan akan membantu SPRM dalam membuat kajian komprehensif berdasarkan data-data perolehan Kementerian/ Agensi bagi merangka mekanisme semak dan imbang dalam urusan perolehan yang secara langsung akan juga melibatkan Pegawai Unit Audit Dalam.

**9**



**Inisiatif 5.3.3 : Memperkasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja**

Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Transformasi SPRM 2.0 telah diadakan pada 10-12 April 2019. Pihak SPRM masih mengkaji daripada pelbagai aspek untuk pelaksanaan inisiatif ini. Di bawah inisiatif ini terdapat tujuh (7) inisiatif kecil untuk diambil tindakan iaitu:

i. Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi mengadakan peruntukan baharu berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM. Status terkini deraf Peruntukan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKKMAR Bil. 1/2020 pada 7 Januari 2020 dan mesyuarat bersetuju secara dasar mengenai perkara ini;
ii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah;
iii. Penambahan 400 jawatan baru di SPRM;
iv. Pewujudan skim perkhidmatan pegawai rendah SPRM;
v. Pemerkasaan lima (5) jawatankuasa pemantau SPRM;
vi. Polisi baru menetapkan bajet tahunan; dan
vii. Menambah peruntukan undang-undang dalam akta bagi bagi mengembalikan peratusan tertentu daripada kes lucuthak SPRM.

**10**



**Inisiatif 5.4.1 : Memasukkan peruntukan baharu dalam undang-undang sedia ada berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana Kerajaan secara sengaja**

SPRM masih dalam peringkat mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian bagi mengelakkan penjawat awam daripada melakukan salah laku dalam hal ehwal tugas rasmi mereka yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana kerajaan secara sengaja dan kegagalan mematuhi peruntukan baharu ini boleh membawa kepada tindakan undang-undang. Terdapat beberapa perkara dasar perlu diputuskan dan dibuat penambahbaikan.

**11**

**Inisiatif 5.4.3 : Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut; peruntukan ini hendaklah juga mewajibkan mana-mana individu yang mendapat faedah daripada penjualan projek/tender untuk mendedahkan pemilikan benefisiarinya**

SPRM sedang melihat mekanisme yang bersesuaian bagi menambah baik ketelusan dalam perolehan kerajaan dan menghindari pihak-pihak berkepentingan daripada memperolehi manfaat langsung dan tidak langsung daripada projek/tender Kerajaan khususnya melalui proksi. SPRM masih dalam peringkat kajian komprehensif berkaitan Pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut.

**12**

**Inisiatif 5.4.4 : Mencadangkan hukuman penjara minimum bagi sabitan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**

SPRM sedang dalam peringkat kajian komprehensif dan justifikasi berkaitan ***deterrence*** di atas kesalahan-kesalahan rasuah yang dijatuh hukum oleh mahkamah dalam tindakan SPRM.

# SURUHANJAYA PILIHAN RAYA **(SPR)**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas sembilan (9) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5).

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN SPR MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# SURUHANJAYA PILIHAN RAYA **(SPR)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan SPR dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Jabatan Perdana Menteri **(JPM)**
2. Parlimen Malaysia
3. *Election Reform Committee* **(ERC)**
4. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional **(GIACC)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH SPR

**1**



**Inisiatif 1.1.1 : Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian penggunaan dan pelaksanaan sistem pilihan raya elektronik**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang meneliti jenis-jenis e-undi seperti ***optical scan system, direct recording electronic, voter verified paper audit trail*** dan ***internet voting***. SPR juga akan mengadakan beberapa perbincangan dengan ***industry players*** berhubung perkara ini dan akan menjemput beberapa pakar dari luar negara untuk membuat perbandingan. Sesi libat urus juga akan diadakan dengan beberapa ***Civil Society*** berhubung pengunaan *e-voting* dalam urusan pengundian. SPR juga merancang untuk melawat beberapa negara berhubung pelaksanaan *electronic voting* dan dari aspek keselamatan siber sekiranya penggunaan sistem pilihan raya elektronik diguna pakai.

**2**



**Inisiatif 1.1.2 : Mengkaji semula jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan bagi setiap kawasan pilihan raya; pihak yang dibenarkan untuk menerima dan membuat perbelanjaan; mentafsir dengan lebih jelas definisi perbelanjaan pilihan raya**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang mengkaji had jumlah perbelanjaan calon, kaedah pengisytiharan dan mekanisme pengesahan perbelanjaan melalui penyata perbelanjaan. Manakala di pihak ***Electoral Reform Committee*** (ERC), kajian sedang dilaksanakan oleh Kluster Pendaftaran Parti Politik dan Pembiayaan Pilihan Raya dan laporan awal kajian tersebut dijangka siap pada Ogos 2020.

**3**



**Inisiatif 1.1.3 : Menentukan tarikh tetap untuk hari Pilihan Raya atau menentukan tempoh tetap untuk Kerajaan mengisytiharkan Pilihan Raya Umum. Sebarang Pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebelum tarikh atau tempoh yang ditetapkan hanya boleh dilaksanakan dengan kelulusan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri**

Kajian sedang dibuat ke atas kerangka perundangan khususnya berkaitan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri, kesan dan sensitiviti terhadap kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-Sultan, Kesediaan Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk meminda peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri serta penerimaan pemegang taruh (parti yang berkuasa) untuk menerima cadangan pelaksanaan. SPR juga sedang meneliti isu berkaitan mekanisme dan kaedah terbaik bagi melaksanakan pembubaran Parlimen untuk menentukan tarikh pilihanraya.

**4**



**Inisiatif 1.1.4 : Membentuk proses penentuan persempadanan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telus**

Kajian sedang dilaksanakan oleh ERC di bawah Kluster Persempadanan Bahagian Pilihan Raya. Penelitian ke atas kerangka perundangan khususnya Perlembagaan Persekutuan, kesediaan agensi-agensi lain dalam pelaksanaan, kesediaan pemegang taruh di peringkat Persekutuan dan negeri untuk menerima cadangan, keperluan menyediakan undang-undang/peraturan khusus berkaitan tatacara persempadanan dan penerimaan pemegang taruh terhadap pelaksanaan cadangan. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya yang bertujuan untuk menetapkan dasar dan hala tuju persempadanan pada masa akan datang supaya lebih adil dan seimbang. Penambahbaikan berhubung isu-isu berkaitan urusan pentadbiran terutamanya proses siasatan tempatan telah dilaksanakan berdasarkan cadangan daripada pemegang taruh dengan mengemas kini  Prosedur Operasi Standard sedia ada.

**5**



**Inisiatif 1.1.5 : Mengkaji semula dan memperkasakan Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)**

Kajian sedang dilaksanakan oleh Kluster Penjalanan Pilihan Raya. Penelitian ke atas kerangka perundangan, kesediaan agensi-agensi lain untuk melaksanakan penguatkuasaan, kesan dan kos terhadap penubuhan badan berasingan dan penerimaan pemegang taruh terhadap pelaksanaan cadangan. Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga sedang melaksanakan kajian berkaitan kesalahan berbentuk pentadbiran dan peraturan, serta kewajaran mengenakan kompaun dan denda.

**6**



**Inisiatif 1.1.6 : Menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan Suruhanjaya Pilihan Raya**

Penelitian ke atas kerangka perundangan khususnya Perlembagaan Persekutuan, penentuan integriti tatacara pelantikan, kesan dan kos terhadap penubuhan badan berasingan dan penerimaan pemegang taruh terhadap pelaksanaan cadangan. Laporan awal dijangka siap sebelum 31 Disember 2019 dan laporan akhir sebelum 31 Ogos 2020. SPR juga sedang meneliti amalan terbaik melalui Badan Pengurusan Pilihan Raya negara luar mengenai kaedah pelantikan dan kriteria kelayakan untuk menjadi ahli SPR.

**7**



**Inisiatif 1.1.7 : Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dwi-parti berhubung hal pilihan raya:**

- **i. Keahlian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya;**
- **ii. Sumber kewangan Suruhanjaya Pilihan Raya;**
- **iii. Pelaksanaan Persempadanan; dan**
- **iv. Sebarang perkara yang melibatkan kepentingan awam dan negara.**

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pilihan Raya telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2019. Parlimen sedang membuat pelantikan ahli dan ***Terms of Reference*** (TOR) jawatankuasa ini bagi meneliti aspek-aspek seperti keahlian dalam SPR, sumber kewangan SPR, pelaksanaan persempadanan dan perkara lain yang melibatkan kepentingan negara.

**8**



**Inisiatif 1.1.8 : Meminda Perkara 114 (4) dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung Perlembagaan Suruhanjaya Pilihan Raya dengan menambah kriteria untuk membatalkan keahlian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya termasuk penglibatan dalam parti politik (dahulu atau sekarang)**

ERC sedang membuat penelitian ke atas kerangka perundangan khususnya Perlembagaan Persekutuan, integriti tatacara dan penerimaan pemegang taruh terhadap pelaksanaan cadangan. SPR juga sedang mengkaji kriteria kelayakan, pelantikan dan pembatalan keahlian ahli suruhanjaya melalui Jawatankuasa Dasar, Ketelusan dan Tadbir Urus SPR.

**9**



**Inisiatif 1.1.9 : Memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)**

ERC sedang membuat penelitian ke atas kerangka perundangan, kesediaan agensi-agensi lain untuk melaksanakan penguatkuasaan, kesan dan kos terhadap penubuhan badan berasingan dan penerimaan pemegang taruh terhadap pelaksanaan cadangan. SPR juga sedang meneliti dan mengkaji aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di peringkat Jawatankuasa Dasar Kesalahan Pilihan Raya.

# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN **(SPKP)**

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN SPKP MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




**Tempoh 5 Tahun**
(Jan 2019 – Dis 2023)

**1 Inisiatif**

# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN **(SPKP)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan SPKP dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
2. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan **(PKPMP)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH SPKP

**1**

**Inisiatif 4.1.4 : Memisahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kepada tiga (3) suruhanjaya yang berasingan:**

- **i. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman bertanggungjawab bagi pegawai kehakiman;**
- **ii. Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan bertanggungjawab bagi pegawai perundangan di Jabatan Peguam Negara; dan**
- **iii. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendakwa Raya bertanggungjawab bagi Timbalan Pendakwa Raya di Pejabat Pendakwaan.**

Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara sedang dalam usaha untuk membuat kajian menyeluruh ke atas pelaksanaan inisiatif pemisahan suruhanjaya berkenaan kepada tiga (3) suruhanjaya yang berasingan. Inisiatif ini dilihat dapat menghakis persepsi bahawa hakim mahkamah rendah berada di bawah kawalan Peguam Negara, mendukung kebebasan kehakiman serta meningkatkan keyakinan terhadap Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan di Malaysia.

# SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASA **(SIAP)**

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN SIAP MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




**Tempoh 5 Tahun**
(Jan 2019 – Dis 2023)

**1 Inisiatif**

# SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASA **(SIAP)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan SIAP dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Dalam Negeri **(KDN)**
2. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
3. Polis Diraja Malaysia **(PDRM)**
4. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional **(GIACC)**
5. *Bar Council Malaysia*

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH SIAP

**1**



**Inisiatif 5.3.4 : Mentranformasikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia**

Rang Undang-Undang (RUU) IPCMC 2019 telah dibaca kali pertama di Dewan Rakyat pada 18 Julai 2019 dan bacaan kali kedua dan ketiga dijangka akan dibacakan pada sesi yang akan datang. IPCMC akan bertindak sebagai badan pemantau bebas untuk menerima aduan dan menjalankan siasatan terhadap salah laku pegawai dan anggota PDRM. IPCMC akan menjalankan kawalan tatatertib terhadap pegawai dan anggota PDRM sebagaimana yang diperuntukkan di bawah proviso kepada Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan.

# JABATAN PERDANA MENTERI **(JPM)**

Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas 15 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5).

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN JPM MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# JABATAN PERDANA MENTERI **(JPM)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan JPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
3. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional **(GIACC)**
4. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
5. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **(SPA)**
6. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**
7. Unit Penyelarasan Pelaksanaan **(ICU)**, JPM
8. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia **(MAMPU)**, JPM

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH JPM

**1**



**Inisiatif 1.2.5 : Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik termasuk kesalahan melobi**

Draf Rang Undang-Undang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang di Parlimen untuk semakan dan penelitian draf tersebut sebelum Draf Sumbangan Politik tersebut diluluskan. Rang Undang-undang tersebut diperkenalkan agar semua ahli politik dapat mengisytiharkan sumbangan politik yang diterima bagi mewujudkan mekanisme sumbangan politik yang berintegriti.

**2**



**Inisiatif 1.2.7 : Meminda Perlembagaan Persekutuan/Undang-Undang Tubuh Negeri bagi mengehadkan tempoh memegang jawatan bagi Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar**

Rang Undang-Undang bagi meminda Perlembagaan Persekutuan mengehadkan tempoh memegang jawatan bagi Perdana Menteri telah dikemukakan di Parlimen dan akan dibaca buat kali kedua pada bulan Mac 2020. Jika Rang Undang-Undang ini diluluskan, maka tempoh lantikan Perdana Menteri akan dihadkan bagi tempoh dua (2) penggal.

**3**

**Inisiatif 1.3.1 : Melarang Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu, semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh**

Satu garis panduan sebagai mekanisme memudah cara Anggota Pentadbiran dalam menguruskan permohonan surat sokongan akan dikeluarkan. Permohonan sokongan berkaitan sesuatu urusan Kerajaan serta memperkemaskan proses kerja dan meningkatkan ketelusan dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan permohonan sokongan.

**4**

**Inisiatif 1.3.3 : Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja**

Individu lantikan politik adalah dibenarkan mengisi jawatan di dalam Badan Berkanun Persekutuan (BBP) setelah mengambil kira latar belakang akademik dan kelayakan profesional masing-masing selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2019 yang lalu. Kriteria ini telahpun diambil kira oleh ICU JPM ketika menyelaras permohonan pelantikan sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Perdana Menteri. Bagi memperkukuhkan lagi inisiatif ini, Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1998 yang baharu akan menjelaskan dengan lebih terperinci berhubung dasar, prinsip dan peraturan berdasarkan kepada perkembangan yang terkini untuk dijadikan panduan dalam pengurusan BBP.

**5**



**Inisiatif 1.3.4 : Memperkenalkan dasar menyekat campur tangan politik dan Individu Berpengaruh dalam kenaikan pangkat, pelantikan dan pemilihan dalam jawatan-jawatan Kerajaan**

Arahan YAB Perdana Menteri Siri 3 No 2 Tahun 2019: Had-Had Keterlibatan Anggota Pentadbiran Dalam Urusan Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan telah dikeluarkan dan berkuat kuasa pada 14 Mei 2019. Arahan ini dikeluarkan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Rasuah (JKKMAR) pada 19 Mac 2019 yang bertujuan meningkatkan lagi tahap integriti Perkhidmatan Awam. Arahan YAB Perdana Menteri ini antara lain menyatakan bahawa Anggota Pentadbiran boleh menentukan kriteria-kriteria yang sesuai untuk pelantikan jawatan-jawatan tertentu kecuali kriteria bangsa, agama atau menamakan individu tertentu secara spesifik. Arahan YAB Perdana Menteri in terpakai untuk semua Anggota Pentadbiran, pegawai awam di peringkat persekutuan dan negeri.

**6**



**Inisiatif 1.3.5 : Memperkenalkan dasar yang jelas bagi menyekat campur tangan politik dalam membuat keputusan mengenai pemecatan dan pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan**

Bagi memperkukuhkan lagi inisiatif ini, Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1998 yang baharu akan menjelaskan dengan lebih terperinci berhubung dasar, prinsip dan peraturan berdasarkan kepada perkembangan yang terkini untuk dijadikan panduan dalam pengurusan campur tangan politik di dalam membuat keputusan mengenai pemecatan dan pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga/ Ketua Pegawai Eksekutif bagi Badan Berkanun.

**7**



**Inisiatif 1.4.4 : Memperkenalkan Kod Etika untuk Ahli Parlimen melalui Peraturan-Peraturan Majlis merangkumi Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang untuk diikuti**

Ahli-ahli Parlimen sedia ada tertakluk dan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat (***Standing Orders to Dewan Rakyat***). Sehubungan itu, Kod Etika untuk Ahli Parlimen tidak diperlukan kerana perkara-perkara mengenai etika dan tatakelakuan telah termaktub di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat. Ketidakpatuhan terhadap Peraturan Mesyuarat ini akan menyebabkan seseorang Ahli Parlimen dirujuk ke Jawatanakuasa Hak dan Kebebasan.

**8**



**Inisiatif 1.4.6 : Memperkenalkan garis panduan bertulis tentang peranan Kerajaan sementara**

Kajian ini melihat dari sudut peranan yang boleh dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menjayakan konsep Kerajaan sementara. Tujuan Kerajaan sementara ini adalah untuk mengurangkan risiko salah guna kuasa akibat ketiadaan Parlimen yang mampu melakukan peranan 'semak dan imbang' (***check and balance***). Selain itu ia juga berperanan untuk memastikan pemimpin Kerajaan tidak menggunakan jentera Kerajaan untuk tujuan kempen kepartian, serta mengekalkan badan pentadbiran Kerajaan sebagai badan yang bebas daripada campur tangan politik.

**9**



**Inisiatif 1.4.12 : Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dalam mengawal selia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ombudsman Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengaduan Awam [BPA]) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)**

1. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya.
2. Penubuhan Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam.
    a. Biro Pengaduan Awam (Ombudsman Malaysia; dan
    b. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
3. Kewujudan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

**10**



**Inisiatif 2.1.6 : Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen**

Kementerian Pertanian Malaysia telah membentangkan isu dan syor penambahbaikan pengeluaran permit dan lesen bagi pertanian dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 8 pada 14 Mei 2019. Isu dan cabaran yang akan dititikberat adalah pemakaian garis panduan sedia ada yang perlu ditangani termasuk penyalahgunaan kelulusan kuota, ketirisan dan kebocoran hasil negara serta masalah keselamatan makanan import dan kajian semula Akta 728 sedia ada yang tidak komprehensif yang mengehadkan kuasa MAQIS hanya di pintu masuk atau di stesen kuarantin dan premis kuarantin. Satu (1) kajian komprehensif akan dijalankan untuk mengklasifikasikan jenis risiko utama dalam pengeluaran permit dan lesen sehingga satu (1) mekanisme baharu diwujudkan bagi menangani isu kelemahan tadbir urus dalam pengeluaran permit dan lesen.

**11**



**Inisiatif 2.2.1 : Memperkenalkan dasar dalam pengurusan pelantikan perunding merangkumi aspek peranan dan tanggungjawab; mengehadkan penglibatan perunding yang dilantik dalam hal ehwal kewangan dan dasar organisasi**

Perolehan perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PK 3: Perolehan Perunding yang berkuat kuasa pada 31 Jan 2019. Definisi perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan seperti yang digariskan di bawah PP/PK 3.1 Perenggan 3.2 adalah perunding yang dilantik oleh sesebuah Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau kajian Kerajaan. Manakala PP/PK 3.1 Perenggan 11.1.2(a) menyatakan bahawa pelantikan perunding secara individu tidak digalakkan, walau bagaimanapun adalah dibenarkan hanya bagi Kajian Kerajaan atau yang memerlukan khidmat nasihat kepakaran individu tersebut bagi pelaksanaan kajian berkenaan sahaja. Peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa jelas menyatakan bahawa keperluan pelantikan perunding adalah khusus dan hanyalah untuk melaksanakan:

i. skop perundingan arkitek, kejuruteraan, ukur bahan dan ukur tanah bagi projek fizikal Kerajaan; dan
ii. skop kajian Kerajaan.

**12**



**Inisiatif 2.2.2 : Memperkenalkan dasar dalam menguruskan pelantikan pegawai *Contract For Service* (CFS) di semua agensi Kerajaan untuk mengehadkan penglibatan CFS dalam hal ehwal kewangan dan dasar organisasi**

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masih di dalam tindakan untuk meneliti cadangan memperkenalkan dasar dalam menguruskan pelantikan pegawai ***Contract For Service*** (CFS) memandangkan pembelian perkhidmatan CFS tidak mempunyai punca kuasa yang jelas dan hanya bersandarkan secara prinsip kepada kuasa Menteri Kewangan di bawah Seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 yang secara umumnya mempertanggungjawabkan Menteri Kewangan secara keseluruhan ke atas pengurusan Kewangan Persekutuan. Oleh itu, pengenalan sebarang dasar mengenai perkara tersebut perlu diteliti dari aspek kewajaran dan kesan-kesan yang boleh timbul sekiranya dasar tersebut diperkenalkan dan CFS tidak terlibat di dalam hal ehwal kewangan dan dasar sesuatu organisasi.

**13**



**Inisiatif 2.2.4 : Memperkenalkan garis panduan yang telus dalam pelantikan Pegawai Khas, Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit, Setiausaha Media kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri merangkumi perkara berikut:**

**i. terma dan syarat pelantikan;**
**ii. bilangan pegawai yang layak dilantik;**
**iii. fungsi dan tanggungjawab; dan**
**iv. gaji dan imbuhan yang layak.**

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 berhubung Perjawatan dan Urusan Perkhidmatan di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri sedia ada telah dikeluarkan pada 1 November 2018 dan pekeliling ini adalah pekeliling yang telah ditambah baik daripada Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2012 (meliputi aspek gaji dan fungsi). Sehubungan itu, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 berhubung Perjawatan dan Urusan Perkhidmatan di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri adalah terpakai bagi maksud satu garis panduan pelantikan Pegawai Khas, Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Media kepada Menteri dan Timbalan Menteri.

**14**



**Inisiatif 4.1.1 : Mengkaji dan menyemak semula Kod Etika Hakim dengan membuat pindaan melalui penambahan perkara berkaitan tegahan ke atas hakim untuk menerima sebarang pelantikan dalam jawatan di entiti komersial dalam tempoh tiga (3) tahun sejurus selepas tarikh persaraan**

Kajian sedang dilaksanakan dalam meneliti kewajaran bagi mana-mana hakim untuk menerima sebarang pelantikan dalam jawatan di entiti komersial sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas bersara. Kajian tersebut juga akan melihat perbandingan dengan negara-negara Komanwel lain untuk sama ada tegahan yang sama dibuat ke atas hakim yang telah bersara dan kesesuaian tegahan tersebut digunakan di Malaysia. Melalui tegahan secara tempoh bertenang ini juga akan secara langsung akan mengurangkan risiko konflik kepentingan sekiranya mana-mana hakim menjawat jawatan di mana-mana entiti Komersial.

**15**



**Inisiatif 5.3.1 : Menubuhkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional sebagai agensi yang berwibawa dalam pengurusan aset yang dirampas dan dilucuthak melalui penguatkuasaan bersepadu**

Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 (Akta 822) telah diluluskan oleh Parlimen dan telah diwartakan pada Disember 2019. Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional telah tubuhkan dengan perjawatan seramai 28 orang (tujuh (7) orang diisi melalui perjawatan dan 21 orang diisi secara pentadbiran) dan fungsi-fungsinya termaktub di bawah Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019.

# JABATAN PERDANA MENTERI – UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN **(ICU)**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif selama lima (5) tahun.

**BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN**




**PERATUS PENCAPAIAN ICU, JPM MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN**



# JABATAN PERDANA MENTERI – UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN **(ICU)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan ICU, JPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Semua Kementerian

### RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH ICU, JPM

**1**



**Inisiatif 3.1.4 : Menambah baik Sistem Pemantauan Projek II dalam memantau kitaran pengurusan projek Kerajaan agar lebih berkesan dan cekap**

Bagi menambah baik Sistem Pemantauan Projek II dalam memantau kitaran pengurusan projek Kerajaan agar lebih berkesan dan cekap langkah-langkah berikut telah dilaksanakan dan masih dalam tindakan:

i. Menambah baik Modul Permohonan;
   - Modul Permohonan ditambah baik dengan reka bentuk dan paparan yang lebih mudah serta mesra pengguna dan memenuhi keperluan perancangan dan penyediaan permohonan projek Rancangan Malaysia ke 12.

ii. Menambah baik Modul Pemantauan; dan
   - Modul Pemantauan ditambah baik bagi memenuhi keperluan pemantauan projek yang lebih spesifik iaitu sehingga ke peringkat kontrak.

iii. Menambah baik Modul Penilaian ***Outcome***.
   - Modul Penilaian ***Outcome*** ditambah baik dengan reka bentuk dan paparan yang lebih mesra pengguna dan memenuhi keperluan penilaian ***outcome*** selaras dengan kerangka Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pelaksanaan (*go-live*) sistem ini adalah secara berperingkat bermula Jun 2021.

# JABATAN PERKHIDMATAN AWAM **(JPA)**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas 11 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN JPA MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# JABATAN PERKHIDMATAN AWAM **(JPA)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan JPA dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
2. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional **(GIACC)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH JPA

**1**

**Inisiatif 1.2.4 : Meminda Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dengan memasukkan tafsiran tajaan serta memperkukuhkan mekanisme pemantauan**

Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil inisiatif untuk memasukkan arahan kepada semua agensi kerajaan untuk mengemukakan laporan bagi sebarang hadiah/tajaan yang diterima berdasarkan '*declaration form*' yang telah diisikan secara berkala bagi mengatasi isu ketiadaan pemantauan sementara pindaan pekeliling dilaksanakan. Surat edaran akan dikeluarkan pada bulan Disember sebagai peringatan bagi pelaksanaan tahun 2020. Draf pekeliling baharu telah dibangunkan. Namun pelaksanaannya hanya boleh diteruskan setelah pindaan pada draf Peraturan-Peraturan Pegawai Awam P.U.(A)395/1993 (Peraturan Ibu) selesai dilaksanakan. Draf pindaan P.U(A) 395/1993 yang merangkumi pengurusan hadiah dan tajaan telah disemak oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) dan sedang dalam peringkat penyediaan maklum balas berdasarkan pindaan AGC.

**2**

**Inisiatif 1.3.2 : Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha**

Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1982 yang sedia ada dicadang untuk ditambah baik bagi mengukuhkan pekeliling yang sedia ada tersebut yang jelas memberikan panduan asas bagi peranan dan tugas Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian.

3



**Inisiatif 1.4.10 : Mencadangkan Rang Undang-Undang pelantikan penjawat awam 2018 untuk mengawal pelaksanaan kuasa eksekutif dalam pelantikan jawatan awam yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta**

Kertas Pertimbangan Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Awam (PA) telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 10 Bilangan 5 Tahun 2019 pada 19 September 2019. Mesyuarat JKKMAR menerima dan meluluskan cadangan kerangka baharu RUU PA. Bengkel Khas Perbincangan Kerangka Baharu RUU PA telah dilaksanakan bersama AGC, MOF, GIACC, SPRM dan Bahagian Kabinet JPM pada 8-10 November 2019. Satu (1) draf RUU akan disediakan sebelum dimuktamadkan ke dalam Kertas Memorandum Jemaah Menteri.

4



**Inisiatif 2.1.1 : Mengukuhkan mekanisme dalam menguat kuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih menjalankan kajian komprehensif untuk pelaksanaan inisiatif ini. JPA akan meneliti laporan kaji selidik yang telah diadakan pada 1 - 15 Julai 2019 dan laporan Bengkel Pembangunan Kamus Deskripsi jawatan siri 1 yang telah diadakan pada 24 - 26 Julai 2019 dan laporan Bengkel Pembangunan Kamus Deskripsi jawatan siri 2 yang telah diadakan pada 31 Julai - 2 Ogos. Satu Kertas Konsep Kamus Deskripsi Jawatan dijangka akan dimuktamadkan pada suku pertama 2020 sebelum dibentangkan di Mesyuarat KSU/KP.

**5**

**Inisiatif 2.1.4 : Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:**

**a. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik di tempat kerja dalam sektor awam berpandukan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007**

Pembentangan berkenaaan Pelaksanaan SPAN 2.0 dalam perkhidmatan awam telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Siri 3 Bil. 3 Tahun 2019 pada 28 November 2019. JPA dalam tindakan untuk mengeluarkan satu Garis Panduan Pelaksanaan SPAN 2.0 berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut sebelum ianya dilaksanakan di semua kementerian/agensi perkhidmatan awam.

**b. Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam Modul ini mencadangkan inisiatif dalam memantapkan dan menyepadukan nilai dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian dalam pengoperasian sektor awam**

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam proses menambah baik dalam memantapkan modul-modul kursus sedia ada. Jawatankuasa Pembangunan Latihan dan Kurikulum INTAN (JPLKI) akan dibentuk bagi menilai kajian keberkesanan kursus sedia ada melalui penerapan berteraskan integriti, etika, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam. Pengesyoran JPKLI di peringkat JPA dijangka akan selesai pada Jun 2020.

**Modul ini mengesyorkan inisiatif untuk meningkatkan dan menyatukan nilai ke dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian di dalam operasi perkhidmatan awam.**

6

**Inisiatif 2.2.3 : Menambah baik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat (termasuk pegawai tinggi Kerajaan)**

JPA telah menambah baik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan melaksanakan tapisan keutuhan tambahan (yang lebih terperinci termasuk kes-kes yang sedang disiasat) ke atas pegawai-pegawai JUSA yang akan memangku jawatan yang lebih tinggi atau disahkan kenaikan pangkat di jawatan semasa. Kajian pelaksanaan akan dibentangkan kepada KSN/Pengurusan Tertinggi JPA untuk tujuan kelulusan.

7

**Inisiatif 2.2.5 : Memperkenalkan dasar/garis panduan "tempoh bertenang" (*cooling-off period*) untuk penjawat awam dan pegawai kanan Kerajaan sebelum menerima pelantikan ke jawatan eksekutif di entiti korporat**

Pihak JPA dalam proses menyediakan Laporan Kajian Dasar Pelaksanaan Dasar *Cooling Off Period* Bagi Pesara Kerajaan. Laporan kajian yang terperinci akan dilaksanakan dengan mengambil kira semua aspek dan keperluan perkhidmatan awam secara holistik berdasarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

8

**Inisiatif 2.2.7 : Menyemak semula dan memperkukuhkan proses tapisan integriti sedia ada khususnya pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi**

Bagi memperkukuhkan proses tapisan integriti sedia ada, pihak JPA telah melaksanakan tapisan keutuhan tambahan (yang lebih terperinci termasuk kes-kes yang sedang disiasat) ke atas pegawai-pegawai JUSA yang akan memangku jawatan yang lebih tinggi atau disahkan kenaikan pangkat di jawatan semasa.

**9**



**Inisiatif 2.4.13 : Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi penjawat awam**

Kurikulum sedia ada Kurikulum Program Transformasi Minda (PTM) telah merangkumkan elemen integriti di bawah Segmen II: Tanggungjawab dan Peranan Pegawai dan mengandungi aktiviti pembentukan sahsiah di bawah Segmen III: Budaya Kerja Kelas Pertama. Pelaksanaan PTM di Kementerian/Jabatan/Agensi adalah berdasarkan Kurikulum di dalam PP 14/2012. Cadangan penambahbaikan modul PTM iaitu penambahan modul:

i. Ujian Psikologi;
ii. Perancangan Kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); dan
iii. Kenegaraan.

# JABATAN PEGUAM NEGARA **(AGC)**

Jabatan Peguam Negara (AGC) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN AGC MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# JABATAN PEGUAM NEGARA **(AGC)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan AGC dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan **(SPKP)**
4. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan **(PKPMP)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH AGC

**1**

**Inisiatif 4.1.5 : Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa pendakwaraya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara:**

**i. Peguam Negara: Peguam Negara tidak melaksanakan sebarang kuasa dan tanggungjawab dalam hal ehwal pendakwaan. Seorang Peguam Negara perlu hadir ke Mesyuarat Kabinet dan Parlimen apabila dijemput; dan**

**ii. Pendakwa Raya: Pendakwa Raya mengambil alih tugas dan kuasa pendakwaan daripada Peguam Negara, dan boleh mengarahkan inkues untuk mengenal pasti sebab dan keadaan sesuatu kematian.**

Satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan di Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk menjalankan kajian mengenai perkara ini berdasarkan amalan terbaik di peringkat global dan akan mengemukakan Laporan Kajian tersebut kepada Jemaah Menteri pada pertengahan tahun 2020. Sekiranya cadangan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara diluluskan oleh Jemaah Menteri, Perlembagaan Persekutuan dan Akta yang berkaitan akan dipinda dengan sewajarnya dan Pejabat Pendakwa Raya (Pejabat PP) yang baharu akan ditubuhkan. Oleh itu, fungsi pendakwaan akan dipisahkan daripada AGC dan secara bebas dijalankan oleh Pejabat PP baharu. Pada masa ini, usaha bersepadu sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kerja ke arah mewujudkan Pejabat PP baharu dan mengenal pasti keperluan asas dan logistik yang diperlukan dari segi kakitangan, struktur organisasi, premis kerja dan infrastruktur.

# JABATAN AUDIT NEGARA **(JAN)**

Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh dua (2) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN JAN MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# JABATAN AUDIT NEGARA **(JAN)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan JAN dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **(SPA)**
3. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
4. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH JAN

**1**



**Inisiatif 1.2.3 : Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara dan memberi autonomi yang lebih luas dengan meletakkannya di bawah Parlimen**

Deraf Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berkenaan Pemantapan Kebebasan Jabatan Audit Negara (JAN) telah diluluskan oleh Ketua Audit Negara pada 16 April 2019. Maklum balas daripada semua agensi berkaitan pelaksanaan inisiatif ini telah diterima pada 2 Julai 2019 dan menekankan isu kekangan dari aspek perundangan yang menyukarkan pelaksanaan inisiatif ini kerana melibatkan pentadbiran dan juga terdapat kekangan dari aspek pegawai yang bertanggungjawab di JAN untuk melaksanakan aktiviti ini yang terbatas dan perlu mampan. Pihak JAN juga telah membuat perbincangan lanjut dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan pelaksanaan inisiatif ini secara pentadbiran.

Untuk makluman, terdapat Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bilangan 1 Tahun 2008 yang menyatakan segala urusan Parlimen dan Perlembagaan merupakan antara perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri. Memandangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) adalah melibatkan urusan Parlimen dan Perlembagaan, Jabatan Peguam Negara melalui pandangan undang-undang bertarikh 19 Disember 2012 berpandangan LKAN boleh dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Pembentangan kepada Jemaah Menteri ini adalah perkara pentadbiran untuk memaklumkan kepada Jemaah Menteri sahaja. Pandangan undang-undang tersebut menyatakan

perlu dipastikan supaya tiada apa-apa pindaan dibuat kepada LKAN dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Oleh yang demikian, JAN mencadangkan untuk Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bilangan 1 Tahun 2008 dikecualikan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan/maksud pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Rakyat.

2



**Inisiatif 1.4.3 : Menggesa supaya semua laporan audit dikemukakan kepada Parlimen (tanpa menyembunyikan, memalsukan dan mengubah apa-apa maklumat) dan dalam keadaan tertentu yang melibatkan keselamatan atau kepentingan negara, ia hendaklah dilaksanakan mengikut Peraturan 93 – Peraturan-Peraturan Majlis Dewan Rakyat**

Mengikut Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Ketua Audit Negara hendaklah mengemukakan semua Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) kepada Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Dalam pelaksanaan inisiatif ini, Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa menyembah LKAN bagi tujuan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk pembentangan di hadapan Dewan Rakyat.

# JABATAN KERJA RAYA **(JKR)**

Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari satu (1) hingga lima (5) tahun

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN JKR MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# JABATAN KERJA RAYA **(JKR)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan JKR dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi **(MEA)**
3. Unit Penyelarasan Pelaksanaan **(ICU)**, Jabatan Kerja Raya

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH JKR

**1**



**Inisiatif 3.1.2 : Memastikan semua agensi dan agensi kawal selia untuk melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan**

Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memastikan agensi mendapatkan khidmat nasihat daripada JKR melalui penerapan pelaksanaan Pengurusan Nilai Kejuruteraan (VE) bagi projek yang bernilai RM50 Juta dan ke atas. (*Projek Rolling Plan 4* [RP-4 RMK-11]). Sebanyak 20 projek telah dilaksanakan melalui Pengurusan Nilai Kejuruteraan (VE) (100% siap). JKR juga bertanggungjawab memantau prestasi projek yang diterima dari agensi untuk dilaksanakan oleh JKR. JKR telah melaksanakan sebanyak 224 projek daripada 411 projek RMK-11 (RP4) tahun 2019 yang diterima dari Kementerian melalui Sistem Pengurusan Projek II (SPPII) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

**2**



**Inisiatif 3.2.10 : Memantau kelemahan dalam pengurusan projek Kerajaan di Sabah dan Sarawak secara berkolaborasi dengan agensi penguatkuasa undang-undang dan Jabatan Kerja Raya**

Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menerapkan Amalan Terbaik Pengurusan Projek bagi projek-projek persekutuan di Sabah dan Sarawak melalui program libat urus secara berkala. Pelaksanaan Amalan Pengurusan Projek Terbaik adalah seperti penggunaan Penjadualan Kerja, Pengurusan Risiko dan '***Project Health Check***' akan diterapkan di dalam projek-projek yang akan dilaksanakan oleh JKR Sabah dan JKR Sarawak.

# JABATAN STANDARD MALAYSIA **(JSM)**

Jabatan Standard Malaysia (JSM) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh dua (2) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN JSM MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# JABATAN STANDARD MALAYSIA **(JSM)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan JSM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**
3. Institut Integriti Malaysia **(IIM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH JSM

**1**



Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah menerbitkan standard MS ISO 37001:2016-*Anti-Bribery Management Systems-Requirements with guidance for use* pada tahun 2017. Standard MS ISO 37001 ini adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan.

Standards Malaysia telah membangunkan program akreditasi *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) pada 3 Januari 2019. Sehingga 31 Disember 2019, satu (1) badan pensijilan telah mendapat akreditasi ABMS.

Bagi memperkenalkan pensijilan ABMS, beberapa siri taklimat dan seminar telah diadakan seperti berikut:

a. Sesi Taklimat Pengenalan dan Pelaksanaan MS ISO 37001:2016 (*Anti-Bribery Management Systems*) Kepada Ketua-Ketua Unit Integriti Sektor Awam Siri 1 diadakan pada 17 Mei 2019 di SPRM anjuran SPRM.

b. Seminar Kesedaran Standard bagi MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* diadakan pada 17 Oktober 2019 di Sabah anjuran Standards Malaysia. Seminar ini telah dihadiri oleh 60 orang peserta daripada agensi Kerajaan, swasta dan badan pensijilan.

c. Seminar Kesedaran Standard bagi MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* di adakan pada 26 November 2019 di Melaka anjuran Standards Malaysia. Seminar ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta daripada agensi Kerajaan, swasta dan badan pensijilan.

Standards Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Unit Integriti di semua Kementerian/Agensi Kerajaan. Bengkel ABMS akan diadakan pada tahun 2020 dan sasaran peserta dari Unit Integriti di semua Kementerian/Agensi Kerajaan.

Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 22 agensi Kerajaan telah dipersijilkan dengan ABMS.

# PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN **(PKPMP)**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas tiga (3) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari dua (2) hingga lima (5) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN PKPMP MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN **(PKPMP)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan PKPMP dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Kementerian Kewangan **(MOF)**
2. Jabatan Perkhidmatan Awam **(JPA)**
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH PKPMP

**1**



**Inisiatif 4.1.2 : Menambah Mahkamah Khas Rasuah di seluruh negara bagi menguruskan kes rasuah yang tertunggak**

Bagi tempoh dua (2) tahun Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan berpendapat berdasarkan data statistik kes rasuah didapati 18 Mahkamah Khas Rasuah sedia ada memadai untuk mengendalikan kes rasuah. Buat masa ini kes rasuah dilupuskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

**2**

**Inisiatif 4.1.3 : Memberi keutamaan supaya kes rasuah didengar oleh hakim dan diuruskan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang berpengalaman dan terlatih dalam menguruskan kes rasuah**

Lapan (8) perjawatan gred JUSA C sedia ada akan dinaik taraf kepada JUSA B bagi perjawatan Hakim Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan dilaksanakan secara ***trade-off*** dengan perjawatan sedia ada bagi menambah baik prestasi Mahkamah Sesyen Khas Rasuah. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) akan mengambil tindakan untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan keperluan penstrukturan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah. Kertas Cadangan untuk menaik taraf lapan (8) perjawatan Jusa C ke Jusa B telah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Jabatan Peguam Negara juga telah mengesyorkan supaya lapan (8) perjawatan Hakim Mahkamah Khas Rasuah dinaik taraf kepada Pegawai Undang-Undang Gred Jawatan Utama B secara *trade off* dengan perjawatan gred L41.

**3**

**Inisiatif 4.1.6 : Memperkenalkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di Mahkamah Khas Rasuah**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan kajian lanjut berkaitan keperluan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di Mahkamah Khas Rasuah. Kajian juga sedang dijalankan berkaitan peningkatan Sistem ***Court Recording Transcription*** (CRT) baharu kepada ***Recording Voice to Text*** (RVT) yang mempunyai fungsi ***voice to text*** (VTT) bagi menghasilkan draf nota keterangan serta ***Exhibits Presentation System*** (EPS) bagi memudahkan bahan bukti diambil, disimpan dan diakses melalui ***Case Management System*** (CMS).

# BIRO PENGADUAN AWAM **(BPA)**

Biro Pengaduan Awam (BPA) sebagai Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif bagi tempoh dua (2) tahun.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN




## PERATUS PENCAPAIAN BPA MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



# BIRO PENGADUAN AWAM **(BPA)**

Agensi-agensi peneraju lain yang berkerjasama dengan BPA dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

1. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional **(GIACC)**
2. Jabatan Peguam Negara **(AGC)**

## RUMUSAN PELAKSANAAN INISIATIF OLEH BPA

**1**



**Inisiatif 1.2.6 : Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia**

Biro Pengaduan Awam (BPA) akan ditransformasikan sebagai ‘Ombudsman Malaysia’ sebagai usaha memastikan tindakan ke atas pengaduan salah tadbir urus (“*maladministration*”) berkaitan kementerian dan agensi dapat ditangani dengan lebih efektif. Bagi memastikan penubuhan badan itu dapat dilaksanakan, satu akta dikenali sebagai Akta Ombudsman akan digubal dan dibentangkan di sesi Parlimen seterusnya. Rang undang-undang mengenai pembentukan Ombudsman Malaysia kini di peringkat penelitian Jabatan Peguam Negara, dan akan dibawa kepada Kabinet dalam waktu terdekat untuk kelulusan sebelum ke Parlimen. Ombudsman Malaysia akan berfungsi sebagai penyelesaian aduan tahap kedua. Pada masa sekarang wujud pertindihan dalam aspek penyelesaian di mana satu-satu aduan dikemukakan kepada pelbagai peringkat pada masa yang sama dan ia memakan masa yang lama dan kadangkala menjejaskan integriti dan keberkesanan tindakan penyelesaian. Setiap aduan dan isu perlu dibawa kepada agensi atau kementerian terbabit terlebih dahulu untuk penyelesaian. Hanya selepas satu masa tertentu, jika tidak ada tindakan, atau pengadu tidak berpuas hati dengan penyelesaian di tahap pertama, aduan terbabit boleh dibawa untuk perhatian ombudsman. Ombudsman hanya akan bertindak sebagai penyelesai aduan di tahap kedua.

# BAB 4
# KESIMPULAN

## Kesimpulan

Agenda menggerakkan pemantapan ke arah governans, integriti dan antirasuah di Malaysia bukanlah perkara baru. Justeru, usaha-usaha yang berhubung kait dengan inisiatif menjadikan negara ini sebuah negara yang bersih daripada anasir rasuah adalah suatu perjuangan yang tidak boleh terhenti sama sekali dan tiada penghujung. Ianya perlu dilaksanakan dengan mengenepikan semua pegangan atau ideologi yang berbeza dan menetapkan hala tuju yang sama iaitu matlamat utama ialah membersihkan negara daripada terjerumus ke kancah rasuah. Laporan ini adalah wadah yang mempamerkan bahawa usaha membenteras rasuah dalam negara tidak pernah mengenal jemu dan kekal relevan bagi menjamin kestabilan negara daripada jenayah rasuah yang merugikan negara yang jika tidak ditangani, rakyat kelak akan menjadi mangsa yang menanggung akibat perbuatan rasuah tersebut.

Tugas pemantauan dan penilaian ke atas 115 inisiatif NACP daripada peringkat pengeluaran output sehingga ke peringkat pencapaian keberhasilan serta-merta dan jangka panjang sebagaimana yang dihasratkan akan diteruskan bagi menentukan sama ada inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam NACP 2019-2023 memberi hasil yang baik dalam membentuk sebuah negara yang bebas rasuah. Mengambil kira kewujudan NACP sebagai sebuah dokumen yang dinamik, aspek pemantauan dan penilaian yang dilaksanakan oleh Sekretariat Induk NACP secara berkala membolehkan pengumpulan maklum balas terkini yang diajukan oleh pihak Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) merangkumi isu dan usaha-usaha serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan 115 inisiatif tersebut.

Kerajaan mengambil serius aspek governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran negara. Oleh itu, setiap pihak sama ada sektor awam atau swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan perlu bersatu hati dalam menyatakan tidak kepada perlakuan rasuah dengan diterjemahkan kepada tindakan dan dalam pembuatan keputusan di setiap peringkat.

## Penghargaan

1. 24 Ketua Agensi Peneraju.

2. Semua kementerian, jabatan dan agensi serta entiti-entiti yang berperanan sebagai agensi peneraju bersama/rakan strategik kepada Ketua Agensi Peneraju.

3. Semua pihak yang menyumbang idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan ini.

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 Putrajaya

Tel : +603-88727140/7184
Fax : +603-88905440

JABATAN PERDANA MENTERI

ISBN 978-967-17951-1-8